Hujung Minggu
ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN bacakanlah (ceritakanlah wahai Nabi Muhammad) kepada mereka kisah dua orang anak Nabi Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenar-benarnya ketika kedua-duanya mempersembahkan korban untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan menyembelih haiwan tertentu atau menyedekahkan sesuatu bayaran. Lalu diterima korban salah seorang antara mereka (Habil) dan tidak diterima korban daripada orang yang seorang lagi (Qabil). Qabil berkata kepada Habil : Demi sesungguhnya aku akan membunuhmu. Habil berkata : Sesungguhnya Allah hanya menerima korban daripada orang-orang yang bertakwa".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 27.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.20 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.47
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 70 BILANGAN 68 | 7 JUN 2025 / 1446 ذوالحجة 10 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


# SAMPAIKAN NASIHAT AGAMA DENGAN JUJUR, IKHLAS TANPA RAGU

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 Jun. - Dalam zaman yang serba kacau ini, nasihat-nasihat agama adalah sangat-sangat diperlukan, asal sahaja nasihat-nasihat itu menepati kehendak-kehendak syarak aliran Ahli Sunnah Waljamaah dan pendekatan yang digunakan pula tidak berunsur mencerca atau menghasut.

Kerana itu dalam menjalankan tugas seperti berdakwah, adalah mustahak untuk memasang niat bagi menyelamatkan diri dan menyelamatkan orang yang dinasihati daripada dosa dan kecelakaan, terutama kecelakaan yang amat dahsyat di akhirat.

Demikian antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman, hari ini.

>> Muka 3



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.**

# Laungan takbir semarakkan malam Hari Raya Aidiladha

Oleh : Khartini Hamir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Jun. - Laungan takbir Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah bergema di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara malam tadi dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis Takbir sempena Hari Raya Aidiladha dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 3

# Berkenan hantar titah perutusan tahniah





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lee Jae-myung berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Korea.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Lee Jae-myung berikutan dengan pelantikannya sebagai Presiden Republik Korea selepas kemenangannya dalam Pilihan Raya Presiden baru-baru ini.


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei


## Berita Utama



PEKA akan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar
Muka 5




SESI Muzakarah bincang perkembangan Mazhab Syafi'i lebih mendalam
Muka 9



MENGAMALKAN penggunaan AI secara bertanggungjawab, beretika
Muka 18



RENCANA

AIDILADHA lambang kesyukuran dalam mencari keredaan Allah
Muka 27

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Fatwa, Irsyad pasak memelihara keharmonian hidup berugama



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 6 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 3 Jun 2025 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,**
**Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**SAYA** bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua dapatlah kita sama-sama menghadiri Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada pagi ini.

Dalam majlis ilmu yang berkat ini, saya sukacita menzahirkan rasa syukur atas pencapaian Institusi Fatwa di negara ini yang dilihat berjaya memainkan peranannya dalam mengeluarkan Fatwa dan Irsyad kepada masyarakat. Fatwa dan Irsyad adalah pasak memelihara keharmonian hidup berugama sesuai dengan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah Mazhab Syafi'i.

Penubuhan Institusi Fatwa di Brunei Darussalam bermula pada tahun 1962, diilhamkan oleh paduka nenda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang sangat menitikberatkan semua urusan yang berkait dengan ugama Islam.

Pada tahun tersebut, satu bahagian yang bertanggungjawab dalam hal ehwal fatwa telah ditubuhkan di bawah Jabatan Hal Ehwal Ugama sebagai langkah awal memperkukuh kedudukan fatwa dalam sistem pentadbiran ugama negara.

Institusi Fatwa dalam sesebuah negara, khasnya di rantau ini adalah sangat mustahak untuk dipelihara, kerana ia bukan sahaja menjadi rujukan tertinggi dalam semua permasalahan agama, malahan juga menjadi tunjang kepada dasar-dasar negara. Tidak syak lagi keputusan yang dikeluarkan oleh Institusi Fatwa akan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara.

Institusi Fatwa juga turut memainkan peranan penting dalam melahirkan ulama. Ulama adalah pewaris nabi-nabi yang mampu untuk membimbing ummah dengan ilmu mereka.

Menyentuh tema persidangan adalah berbunyi 'Mazhab Syafi'i Dalam Era Digital : Relevan dan Cabaran', saya melihat ia sangat bertepatan dengan realiti semasa, khususnya bagi membincangkan keperluan mazhab dalam menghadapi arus pemodenan teknologi.

Pertemuan ulama dan ilmuwan Islam serantau dalam persidangan ini sudah setentunya akan membuka ruang berharga untuk meneliti isu-isu tersebut secara ilmiah dan mendalam. Antara isu yang semakin mendesak pada era digital ini ialah fenomena fatwa yang mudah diakses secara tidak terbimbing. Masyarakat mudah mendapatkan pandangan ugama melalui media sosial tanpa menilai kesahihan dan kesesuaiannya dalam konteks tempatan.

Dalam pada masa yang sama, sesiapa pun boleh mengaku sebagai 'mufti' atau 'ustaz' dalam dunia digital dan alam maya. Lebih membimbangkan lagi, segelintir masyarakat pula, mula mengenepikan autoriti rasmi dalam hukum-hakam dengan memilih 'ulama digital' untuk memberikan jawapan segera terhadap persoalan-persoalan mereka.

Isu-isu sebegini, jika tidak ditangani dengan bijaksana, ia berpotensi untuk menimbulkan kekeliruan yang besar dalam kalangan umat Islam, malahan boleh menggugat kedudukan dan kelangsungan Mazhab Syafi'i di rantau ini. Oleh itu, saya berharap dalam perhimpunan para tokoh dan sarjana di persidangan ini, beberapa strategi berkesan akan dapat dikenal pasti bagi menanganinya.

Seiring dengan perkembangan era digital yang pesat dan mencabar, Institusi Fatwa serta Fuqaha dalam Mazhab Syafi'i perlulah mengukuhkan kehadiran mereka dalam ruang digital. Pembangunan platform fatwa digital yang berwibawa, yang mudah diakses dan mesra pengguna adalah amatlah penting.

Usaha ini bukan sahaja akan memperkukuh kedudukan Mazhab Syafi'i, bahkan menjadi benteng kepada masyarakat daripada terpengaruh dengan pandangan yang cuma berasaskan populariti tetapi tidak mempunyai sandaran sahih dalam ugama.

Akhirnya, saya tidak lupa merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), selaku penganjur utama, berserta semua organisasi dalam dan luar negara yang turut bekerjasama menjayakan persidangan ini. Saya juga mengalu-alukan kehadiran para delegasi dari luar negara ke NBD dan mengucapkan selamat bersidang serta bermuzakarah.

Saya mendoakan agar hubungan erat antara para ilmuwan, pakar dan sarjana rantau ini akan terus diperkukuh demi memartabatkan lagi kedudukan Islam di Asia Tenggara.

Dengan bertabaruk mengambil berkat kalimat suci, *Bisimillahir Rahmanir Rahim*, maka saya rasmikan Persidangan Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa di NBD, dan seterusnya saya lancarkan buku-buku terbitan terbaharu JMK dan UNISSA.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | SABTU | 10 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 8 | AHAD | 11 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 9 | ISNIN | 12 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 10 | SELASA | 13 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.46 | 6.32 | 7.47 |
| 11 | RABU | 14 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 12 | KHAMIS | 15 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 13 | JUMAAT | 16 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 31 24 °C | 32 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 25 °C | 32 25 °C | 33 26 °C |
| Pekan Tutong | 31 24 °C | 32 26 °C | 33 26 °C |
| Kuala Belait | 31 26 °C | 32 25 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 7 JUN 2025

### Aidiladha mengajar erti pengorbanan

**AIDILADHA** adalah lambang kesyukuran untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan pelbagai bentuk pengorbanan. Walau di mana kita berada, kita sewajarnya dapat menghayati roh pengorbanan yang menjadi syiar Hari Raya ini.

Sesungguhnya Aidiladha hadir membawa seribu rahmat dan kelebihan. Bersama kisah yang memaparkan tingginya nilai pengorbanan dan kehambaan. Ia sejajar dengan kisah pengorbanan agung Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam dalam membuktikan ketaatan dan kehambaan. Dari situlah datang syariat ibadah korban binatang ternakan yang perlu dilaksanakan oleh kaum Muslimin bersempena Hari Raya ini. Gabungan sejarah pengorbanan dan tuntutan berkorban inilah yang menjadikan Aidiladha mampu memberi kesan yang mendalam pada jiwa insan yang menghayatinya.

Namun, apalah ertinya sejarah agung pengorbanan ini jika ada di antara kita kurang mengambil berat dengan ibadah korban yang setiap tahun dianjurkan, sedangkan kita berkemampuan. Inilah hakikat sebenar Aidiladha, Hari Raya yang menuntut pengorbanan dari setiap diri umat Islam.

Berkorban dan membantu mereka mengikut kemampuan sama ada dengan wang ringgit, tenaga, buah fikiran doa dan sebagainya. Semoga dengan sedemikian pengorbanan yang kita hulurkan, ia tetap dinilai sebagai amal soleh dan sebagai bukti kejujuran iman kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, sambutlah Hari Raya ini dengan apa jua bentuk pengorbanan mengikut kemampuan. Berusahalah melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat rezeki yang telah dikurniakan-Nya. Kongsikanlah sebahagian daripadanya dengan insan-insan lain yang memerlukan.

Kadangkala hati kita tergerak untuk melakukan pengorbanan tetapi tidak juga dilaksanakan. Ini kerana diri dan jiwa kita telah ditewaskan oleh godaan syaitan yang membisikkan kata-kata yang menimbulkan rasa sayang pada wang ringgit, takut rugi, takut harta berkurang, berasa tidak mendatangkan sebarang keuntungan, membuang masa dan seumpamanya. Maka rugilah orang-orang yang terpengaruh dengan bisikan-bisikan tersebut kerana melaksanakan peluang merebut ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Takbir dan tahmid yang kita laungkan di Hari Raya ini adalah lambang kesyukuran kita sebagai hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita menghayatinya untuk menyemai rasa syukur kepada Pencipta kita yang sentiasa mengurniakan pelbagai nikmat kepada kita, khususnya nikmat keamanan dan keharmonian yang telah kita nikmati sehingga hari ini. Akhirnya, tanamkanlah dalam diri kita sifat ingin berkorban tanpa berasa takut dan rugi. Ini kerana ganjaran yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu adalah sangat besar. **- Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

# Sampaikan nasihat agama dengan jujur, ikhlas tanpa ragu

>> Muka 1

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

Terdahulu dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Aidiladha adalah merujuk kepada peristiwa berkorban Nabi Ibrahim dan putera Baginda, Nabi Ismail 'Alaihumassalam.

Dua beranak ini, titah baginda, telah menunjukkan contoh, bagaimana cara untuk mematuhi perintah Allah, sekalipun perintah itu amat berat untuk dibuat.

"Inilah juga yang kita umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dituntut untuk melakukannya, iaitu apa yang disuruh oleh Allah (oleh agama) hendaklah dibuat dan yang dilarang hendaklah ditinggalkan," titah baginda.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan bahawa perkara tersebut telah diperingatkan oleh Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 206, tafsirnya : *"Apabila dikatakan kepadanya : 'Bertakwalah engkau kepada Allah', maka timbullah kesombongannya dengan (meneruskan) dosa (yang dilakukannya). Oleh itu, padanlah dia (menerima balasan azab) api Neraka Jahanam dan demi sesungguhnya (Neraka Jahanam itu) adalah seburuk-buruk tempat tinggal".*

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menekankan bahawa oleh agama, kita telah dituntut untuk mengamalkan sikap nasihat-menasihati. Oleh itu, dalam kalangan umat, mestilah ada golongan yang menyuruh kepada kebajikan dan melarang daripada kejahatan.

"Dalam makna, mana-mana orang atau pihak yang berkuasa melakukannya, hendaklah dia melakukannya, jika tidak, dia akan dianggap berdosa, kerana berdiam diri tidak menolong agama Allah," titah baginda.

Ini, dalam titah, selaras dengan janji Allah dalam Surah Muhammad, ayat 7, tafsirnya : *"Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong Allah (menolong agama-Nya), nescaya dia akan menolong kamu dan menetapkan pendirian kamu".*

Oleh itu, dalam titah lagi, baginda menyeru kepada para Da'ie atau Mubaligh dan orang-orang yang dipikulkan amanah untuk memelihara agama, supaya mereka menyampaikan nasihat-nasihat agama, dengan jujur dan ikhlas tanpa ragu-ragu atau takut-takut.

"Di saat yang bersukut baik ini, beta ingin mengambil kesempatan mendoakan para jemaah haji kita yang sedang berada di Tanah Suci, semoga mereka berada dalam sihat-sihat sahaja dapat menunaikan ibadat dengan sempurna.

"Alhamdulillah dalam menyambut Hari Raya Aidiladha yang mulia ini, dengan penuh syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan penghargaan yang mendalam, beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat jelata yang beta kasihi serta ketua-ketua negara dan kerajaan dan juga para dif-dif kerabat.

"Segala doa dan ingatan baik yang diberikan semasa beta berehat, setelah menghadiri Mesyuarat ASEAN dan Mesyuarat Berkaitan di Kuala Lumpur, Malaysia, adalah amat-amat beta hargai," titah baginda.

Dalam masa yang sama, ucapan terima kasih yang sama juga baginda tujukan kepada pihak Institut Jantung Negara Malaysia atas layanan yang amat baik sepanjang keberadaan baginda di sana.

"Akhirnya, beta dan keluarga beta dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana sahaja mereka berada, dengan harapan semoga sekaliannya dalam keadaan bahagia menyambut Aidiladha," titah baginda lagi mengakhiri Titah Perutusan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd Karim serta pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan di bawah KHEU dan penduduk sekitarnya.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Tadabbur yang bertajuk 'Ibrah Di Sebalik Melontar' yang disampaikan oleh Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Antara inti pati tazkirah menceritakan beberapa kejadian yang berlaku di sebalik peristiwa Ibrah Nabi Allah Ibrahim dan anaknya Ismail, antaranya beberapa ujian yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Allah Ibrahim ketika beliau diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih anaknya Ismail.

Dari kesimpulan tazkirah itu juga mengajar kita bahawa di dalam kehidupan kita banyak ujian yang akan dilalui dan segala ketentuan hidup itu telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kita sebagai hamba-Nya wajiblah mentaati dan mematuhi segala perintah Allah, selain itu dalam kehidupan juga kita perlu belajar untuk melenturkan amarah (bersikap sabar) sekalipun kita diuji pada ketika itu.

Laungan Takbir dipimpin oleh para pegawai dan kakitangan KHEU; Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah; Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Bomba dan Penyelamat; Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Kumpulan Belia Masjid daripada Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Kampung Belimbing Subok; dan Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau serta Skim Tilawah Al-Quran Remaja (STAR).

Sementara itu, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murat.

# LAUNGAN TAKBIR SEMARAKKAN MALAM HARI RAYA AIDILADHA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Takbir sempena Hari Raya Aidiladha yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Majlis Takbir sempena Hari Raya Aidiladha bertujuan untuk menghidupkan malam Hari Raya Aidiladha yang diadakan pada 10 Zulhijah 1446 Hijrah.

Ia juga bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan masyarakat yang bertakwa di samping mengajak masyarakat dalam menghayati makna kandungan takbir hari raya.

Sunat melaungkan takbir dengan suara yang Jahr (nyaring), sama ada di rumah, masjid atau tempat awam pada malam Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha selepas terbenamnya matahari hingga imam mengangkat Takbiratul Ihram Sembahyang Sunat Hari Raya.

Takbir ini dinamakan Takbir Mursal dan Takbir Mutlaq iaitu takbir yang tidak terikat selepas sembahyang dan dilaungkan pada bila-bila sahaja.

Sementara Takbir Muqayyad ialah takbir yang terikat dan dilaungkan sebaik sahaja selesai sembahyang fardu, sunat, tunai atau qada. Takbir Muqayyad ini khusus bagi Hari Raya Aidiladha dan bagi orang yang tidak mengerjakan ibadah haji.

Acara melaungkan takbir bagi kedua-dua Hari Raya tersebut di negara ini bukanlah suatu yang baharu. Ia telah pun dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam sejak berabad lama dahulu dan merupakan satu syiar dalam usaha melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memberikan kesedaran kepada umat Islam untuk mengamalkan suruhan Allah dan menjauhi larangan-Nya.

Majlis seumpama ini juga berperanan memupuk semangat hidup berjemaah, mengeratkan silaturahim serta mendekatkan masyarakat dengan masjid, sekali gus menyemai rasa cinta terhadap rumah Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadi harapan kepada agama, bangsa dan negara.



SEKITAR Majlis Takbir sempena Hari Raya Aidiladha.

# MENGUKUHKAN HUBUNGAN BERKAITAN KEBAJIKAN, PEMBANGUNAN UMMAH

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS**, Khamis, 5 Jun. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, pagi tadi menerima kunjungan hormat daripada dua tokoh ilmuwan Islam antarabangsa, iaitu Setiausaha Agung Islamic Research Institute, Al-Azhar Al-Sharif, Republik Arab Mesir, Profesor Dr. Muhammad Abdel Daim Ali Al-Jundi; dan Setiausaha Agung The International Islamic Fiqh Academy, Jeddah, Profesor Emeritus Dato' Dr. Koutoub Moustapha Sano.

Kunjungan hormat berkenaan diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis.

Tujuan kunjungan hormat berkenaan adalah untuk mengukuhkan hubungan di samping berkongsi pengetahuan, pandangan serta pengalaman dalam bidang perkhidmatan ugama khususnya berkaitan kebajikan dan pembangunan ummah serta pendidikan Islam secara menyeluruh.

Hadir sama pada majlis kunjungan hormat berkenaan ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan hormat daripada dua tokoh ilmuwan Islam antarabangsa.**

Profesor Dr. Muhammad Abdel Daim Ali Al-Jundi dan Profesor Emeritus Dato' Dr. Koutoub Moustapha Sano berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) atas jemputan ke Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bagi membentangkan kertas kerja ucaptama bersempena 60 Tahun Penubuhan Institusi Fatwa NBD.

# KKBS adakan Solat Sunat Hajat, Doa Khas Kesihatan



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama warga persatuan, pergerakan, kelab kesenian, penerima-penerima anugerah, kebudayaan, sejarah, bahasa, perpustakaan dan kesusasteraan serta orang ramai semasa mengadakan Solat Sunat Hajat Berjemaah serta merafakkan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan seterusnya Solat Fardu Asar Berjemaah di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri.**

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Jun. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama dengan warga persatuan, pergerakan, kelab kesenian, penerima-penerima anugerah, kebudayaan, sejarah, bahasa, perpustakaan dan kesusasteraan serta orang ramai telah mengadakan Solat Sunat Hajat Berjemaah serta merafakkan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan seterusnya Solat Fardu Asar Berjemaah di Masjid Ash-Shaliheen, Jabatan Perdana Menteri.

Dengan penyertaan warga persatuan, pergerakan, kelab kesenian, penerima-penerima anugerah, kebudayaan, sejarah, bahasa, perpustakaan dan kesusasteraan serta orang ramai, ia mencerminkan pendekatan inklusif kerajaan serta keprihatinan masyarakat terhadap raja yang amat dikasihi.

Semoga doa-doa ikhlas yang dititipkan akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi sumber keberkatan, keafiatan serta kesejahteraan yang berpanjangan bagi raja dan negara.

# Portal PSC Recruitment 2.0 aktif semula 9 Jun ini

Siaran Akhbar : Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Jun. - Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ingin memaklumkan bahawa penyelenggaraan dan pengukuhan keselamatan sistem PSC Recruitment 2.0 (PSCR 2.0) yang telah dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) telah selesai dan portal PSCR 2.0 akan diaktifkan mulai Isnin, 9 Jun 2025.

Apabila portal tersebut diaktifkan nanti, pengiklanan jawatan kosong yang terjejas bermula 19 April 2025 akan mula dilanjutkan selama dua minggu dan tutup pada 23 Jun 2025.

Senarai jawatan kosong berkenaan akan diterbitkan di media sosial PSC.BN (Instagram / Facebook / Telegram Channel), Pelita Brunei dan laman sesawang Pejabat SPA di *www.spa.gov.bn*. Pejabat SPA dan pihak EGNC telah pun mengambil langkah-langkah yang wajar dalam memastikan maklumat dan dokumen pengguna adalah kekal selamat serta tersimpan.

Dalam masa yang sama, para pengguna dinasihatkan juga untuk membuat penyemakan profil masing-masing terlebih dahulu sebelum membuat sebarang permohonan jawatan kosong memandangkan keselamatan sistem telah diperkukuhkan lagi.

Bagi pertanyaan mengenai melengkapkan profil atau memerlukan khidmat bantu, para pengguna disarankan untuk menghadapkan pertanyaan melalui modul 'Aduan Saya' di portal PSCR 2.0 dengan memilih jenis aduan atau pertanyaan yang betul.

Dalam pada itu, seperti yang dimaklumkan sebelum ini, Pejabat SPA juga menambah baik ciri-ciri pada sistem PSCR 2.0 yang bertujuan untuk melancarkan lagi proses permohonan jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam.

Dengan ini, Pejabat SPA mengumumkan bahawa terdapat dua ciri baharu yang akan diperkenalkan semasa portal diaktifkan nanti. Ciri baharu yang pertama ialah Semakan Profil (Profile Review) dan kedua, Notifikasi E-mel (E-mail Notification) bagi panggilan ujian dan temu duga.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai ciri-ciri baharu berkenaan, sila layari media sosial *PSC.BN* dan ruang 'Panduan' portal PSCR 2.0 di *www.recruitment.gov.bn*.

Bagi sebarang pertanyaan, pengguna dan orang ramai boleh terus menghubungi Pejabat SPA melalui meja bantuan melalui talian WhatsApp atau Telegram melalui talian +673 7371961 semasa waktu bekerja atau melalui modul 'Aduan Saya' PSCR 2.0 dengan memilih jenis pertanyaan yang bersesuaian atau melalui Talian Darussalam 123.

Pejabat SPA sekali lagi memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi dan merakamkan berbanyak terima kasih atas kesabaran, pemahaman serta kerjasama para pengguna.

Diharapkan dengan penaiktarafan yang dilakukan ke atas portal tersebut akan memudahkan dan memperbaiki lagi pengalaman pengguna apabila memohon jawatan kosong dalam Perkhidmatan Awam.

# PEKA AKAN KEPENTINGAN MENJAGA KELESTARIAN ALAM SEKITAR

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**YANG Berhormat Menteri Pembangunan menyampaikan sijil dan plak pengiktirafan kepada Pemimpin Belia Alam Sekitar, iaitu Pengasas Bersama Green Brunei, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Jun. - Selama beberapa dekad, plastik telah menyumbang secara positif kepada hampir setiap aspek kehidupan moden, seperti kegunaannya di dalam perubatan dan kesihatan, pengangkutan, pemakanan, teknologi maklumat dan juga aktiviti di masa lapang.

Namun begitu, sifat ketahanan plastik yang membuatkan ia sangat berguna ini juga menjadikannya hampir mustahil untuk reput secara semula jadi dan mengakibatkan pencemaran.

Tambahan itu, cara plastik dihasilkan, digunakan dan dilupuskan oleh sesetengah pihak yang tidak peka atau kurang berpengetahuan akan kepentingan menjaga alam sekitar, turut memberikan kesan yang negatif.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit semasa Majlis Pelancaran Program BELIA BRUNAS dan Pengiktirafan Pemimpin Belia Alam Sekitar yang diadakan di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Berucap selaku Pengerusi Majlis, beliau seterusnya menjelaskan tema sambutan, iaitu 'Beat Plastic Pollution' dengan menekankan kepentingan perubahan ke arah pengurusan dan penggunaan plastik yang lebih bertanggungjawab dan mampan.

Di samping itu jelasnya, tabiat yang mesra alam dan peka akan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar adalah satu langkah penting dalam menangani isu pencemaran plastik.

Tambahnya, keberkesanan langkah ini bergantung kepada penyertaan dan sokongan setiap lapisan masyarakat, iaitu melalui pendekatan senegara, yang antaranya termasuklah para belia.

Beliau turut mengongsikan mengenai Program BELIA BRUNAS, satu program khas yang akan dijadikan satu platform bagi memberi peluang kepada para belia Negara Brunei Darussalam untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang memberi impak yang lebih bermakna dan berpanjangan, yang dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar negara.

Menurutnya, program tersebut terbahagi kepada dua fasa, iaitu fasa satu, diberi nama Program YouLEARn, singkatan untuk 'Youth Learn, Empower and Advocate for a Resilient Environment', manakala fasa dua, ialah Program YouGAIN, singkatan bagi 'Youth Green Actions for Innovation'.

Buat julung-julung kalinya juga jelasnya, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) memberikan pengiktirafan kepada para belia yang berdedikasi dalam menyumbang kepada agenda pembangunan negara, termasuk usaha-usaha dalam memastikan kelestarian alam sekitar, sebagai Pemimpin Belia Alam Sekitar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Awang Muhammad Hafiy bin Noorsam.

Majlis juga diteruskan dengan tayangan video ucapan khas daripada Pengarah Pejabat Serantau Asia Pasifik, United Nations Environment Programme, Dr. Dechen Tsering, yang antara lain memfokuskan kepada penglibatan belia ke arah memikirkan semula cara menggunakan plastik, termasuk ekonomi kitaran.

Kemudian, majlis disusuli dengan pelancaran Program BELIA BRUNAS dan penyampaian sijil dan plak pengiktirafan Pemimpin Belia Alam Sekitar yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Pemimpin-pemimpin Belia Alam Sekitar yang diberikan pengiktirafan adalah Pengasas Bersama Green Brunei, Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; Pengasas BruWILD, Dayang Liaw Lin Ji; Pengasas Zero Waste Brunei, Dayang Noor Hafizah binti Haji Rashid; dan Pengasas Sustainable Ocean Alliance Brunei, Dayang Shaima binti Haji Misli.

Majlis diakhiri dengan lawatan ke Pameran Belia Alam Sekitar yang disertai oleh Pejabat Wawasan Brunei, Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP); Green Brunei, Tebalik Plastik, Precious Plastic Brunei, Purrfectly Green, Brumi Lestari dan Vil-Laju! Bn.

Pada 5 Jun setiap tahun, masyarakat global termasuk NBD menyambut Hari Alam Sekitar Sedunia yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam perihal kepentingan menjaga alam sekitar dan menggalakkan penglibatan tindakan semua lapisan masyarakat untuk melindungi alam sekitar dan memelihara kemampanannya.

Pada tahun ini, JASTRe, Kementerian Pembangunan memfokuskan kepada penglibatan belia dalam usaha menjaga alam sekitar.

Turut hadir semasa majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan, Sr. (Surveyor) Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-undang), Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; ketua-ketua jabatan, timbalan-timbalan dan penolong-penolong ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan serta jemputan-jemputan khas.

Bersempena dengan Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia pada tahun ini, JASTRe juga menyusun beberapa program lain termasuk Kempen 'Maritah! Menderma Darah' yang akan diungkayahkan pada 10 Jun 2025 dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) bertempat di Pusat Membeli-belah One City dan Hari Kitar Semula Senegara (Edisi Upcycling) yang akan diadakan pada 22 Jun 2025.

Maklumat lanjut mengenai kempen dan acara berkenaan boleh didapati di laman Instagram rasmi JASTRe *@jastre.bn*.



**YANG Berhormat melawat Pameran Belia Alam Sekitar.**

# Mufti Kerajaan terima kunjungan hormat

**Berita dan Foto : Ihsan Awang Haji Osman A. Bakar**

**BERAKAS,** Khamis, 5 Jun. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan hormat daripada para pembentang Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, baru-baru ini.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Darulifta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Turut serta dalam kunjungan tersebut ialah Secretary General The International Islamic Fiqh Academy, Jedah, Profesor Dr. Koutub Moustapha Sano dan Secretary-General of the Islamic Research Academy, Profesor Dr. Mohamed Abdel Dayem El-Gendy.

Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa NBD telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan pada 3 Jun 2025.

Persidangan tersebut berlangsung selama dua hari, bertemakan 'Mazhab Syafi'i Dalam Era Digital : Relevan dan Cabaran'.



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan hormat daripada para pembentang Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam.**

# AI PEMACU TRANSFORMASI MERENTASI PELBAGAI SEKTOR UTAMA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap pada majlis berkenaan.**

**BERAKAS**, Rabu, 4 Jun. - Kepercayaan adalah asas yang membolehkan rakyat mengguna pakai perkhidmatan digital. Kepercayaan juga yang menggalakkan pelaburan dan keusahawanan serta memastikan kemajuan digital dapat memajukan masyarakat, bukan memecah-belahkannya.

Oleh itu, dalam dunia yang semakin digital, kepercayaan bukan satu kemewahan, kerana ia adalah mata wang asas. Tanpanya, tiada aplikasi, tiada algoritma dan tiada dasar yang mampu bertahan lama.

Tetapi kepercayaan perlu dibina dan perlu diperoleh. Bukan sekadar melalui janji, tetapi melalui sistem yang telus, selamat, inklusif dan adil.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Persidangan dan Pameran Masa Depan Digital (The Digital Future Conference and Exhibition 2025 - DFCE 2025) yang diadakan di Dewan Munawarrah, Setia Point.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh akan tema pada acara tahun ini, iaitu 'Membina Kepercayaan dan Memperkasa Inovasi Demi Masa Depan Digital yang Mampan', secara langsung mencerminkan hala tuju yang perlu kita ambil.

Tambah Yang Berhormat, semakin jelas bahawa masa depan digital yang sedang dibina mestilah boleh dipercayai, beretika, inklusif dan mampan. Kepercayaan bukanlah hasil sampingan teknologi, ia adalah asas utama kepada kemajuan yang berkekalan.

Menurut Yang Berhormat lagi, dalam era digital ini, inovasi berkembang dengan pantas daripada Kecerdasan Buatan (AI) kepada teknologi kewangan (*fintech*), pertanian pintar hinggalah kepada kerajaan elektronik (e-Government).

AI, tambah Yang Berhormat, sedang menulis semula peraturan kerja berasaskan pengetahuan. Blockchain pula mengubah cara kita memandang pemilikan dan nilai. Internet Pelbagai Benda (Internet of Things - IoT) sedang menghubungkan dunia fizikal dan digital, manakala pengkomputeran kuantum sedang menjelang, dengan janji untuk mentakrifkan semula kuasa pengkomputeran itu sendiri.

"Kebangkitan AI membawa kemungkinan yang mengubah landskap. Ia bukan sekadar satu pencapaian teknologi, tetapi telah menjadi komponen penting dalam pemangkin ekonomi dan strategik.

"Di seluruh dunia, penggunaannya berkembang pada kadar yang belum pernah berlaku, mengubah industri, memacu pertumbuhan ekonomi, dan membentuk semula masyarakat.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita mengiktiraf AI sebagai pemacu transformasi merentasi sektor-sektor utama seperti kesihatan, pendidikan, alam sekitar, kemampanan dan daya tahan iklim, tadbir urus awam serta pemelbagaian ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan pada awal tahun ini, kita telah menerbitkan Panduan Tadbir Urus dan Etika AI untuk Brunei Darussalam, yang dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam(AITI) dengan kerjasama Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI.

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) kata Yang Berhormat, juga sedang merangka Strategi AI Kebangsaan Brunei Darussalam. Strategi berkenaan akan menyediakan peta hala tuju yang berpandangan ke hadapan bagi perjalanan AI negara, memperkukuh keupayaan inovasi, menerimagunaan teknologi, mempertingkatkan mekanisme tadbir urus, serta memastikan penerimagunaan AI selaras dengan keutamaan negara dan amalan terbaik global.

Tambah Yang Berhormat lagi, adalah amat penting bahawa penyambungan pelan lima tahun berkenaan dirangka dengan pandangan jauh, mengambil kira trend baharu dan perkembangan teknologi yang pesat berkembang.

Perbincangan sepanjang dua hari persidangan berkenaan boleh menjadi sumber pandangan yang berharga, merangsang pemikiran serta perdebatan yang membina terhadap perkara-perkara yang perlu diberi perhatian dan diterjemahkan kepada tindakan konkrit dalam pelan-pelan ini.

Masa depan digital yang mampan bagi NBD, ujar Yang Berhormat, tidak akan terbentuk secara kebetulan dan ia perlu dibina secara terancang berlandaskan niat yang jelas, prinsip etika dan semangat kerjasama yang kukuh. Inovasi tidak berlaku dalam secara bersendirian, sebaliknya, ia menuntut kerjasama erat antara kerajaan, sektor perniagaan dan institusi akademik dalam usaha mencipta penyelesaian bersama, berkongsi data dan membangunkan keupayaan tempatan secara inklusif dan berterusan.

Sehubungan dengan itu kata Yang Berhomat, Majlis Ekonomi Digital telah memainkan peranan yang penting dalam membimbing dan membentuk agenda transformasi digital negara setakat ini. Memandangkan ekonomi digital semakin menjadi teras kepada pertumbuhan dan pembangunan NBD, adalah amat bertepatan dan wajar untuk memperkukuh mandat berkenaan, serta mengamalkan pendekatan yang lebih menyeluruh dalam pelaksanaan transformasi digital negara.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan bahawa matlamat utama Perintah Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection Order - PDPO) adalah untuk menetapkan peraturan yang jelas mengenai bagaimana organisasi, sama ada kedai dalam talian atau kedai fizikal harus mengendalikan data peribadi. Adalah penting untuk difahami bahawa PDPO bukan bertujuan untuk menghalang penggunaan data peribadi, sebaliknya, tujuannya adalah untuk meningkatkan keyakinan orang ramai, memupuk budaya akauntabiliti dalam organisasi, serta memperkuat kepercayaan individu terhadap cara data peribadi mereka dikendalikan.

Menurut Yang Berhormat lagi, ia menegaskan komitmen kita dalam mempertahankan hak individu dalam dunia yang semakin didorong oleh data, di samping mengiktiraf bahawa data peribadi merupakan aset yang bernilai yang perlu diuruskan dengan tahap akauntabiliti tertinggi dan ini akan menyumbang kepada pertumbuhan persekitaran yang kondusif dan lancar merentasi semua industri, demi kemajuan ekonomi digital yang mampan.

"Masa depan digital tanpa kepercayaan adalah rapuh. Inovasi tanpa kemampanan pula tidak akan bertahan lama. Namun, apabila kita menggabungkan kepercayaan, inovasi, dan kemampanan yang berakar pada nilai-nilai kebangsaan dan pegangan agama kita, kita mampu membina NBD digital yang berdaya tahan, dihormati dan bersedia menghadapi masa depan.

"Dalam kita melangkah menuju Wawasan Brunei 2035, marilah kita pastikan bahawa perjalanan digital kita bukan sahaja mencerminkan kecanggihan teknologi, tetapi juga mencerminkan yang terbaik dalam diri kita sebagai sebuah negara dan masyarakat," ujar Yang Berhormat lagi.

## Mendorong transformasi digital, menggalakkan peluang kerjasama baharu

**BERAKAS**, Rabu, 4 Jun. - Persidangan dan Pameran Masa Depan Digital 2025 (The Digital Future Conference and Exhibition - DFCE 2025) telah dilancarkan secara rasmi dalam Majlis Pembukaan yang diadakan di Dewan Munawarrah, Setia Point, Berakas oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar yang antara lain berkata sepanjang tempoh dua hari, persidangan dan bengkel akan menampilkan ceramah pakar dan sesi perbincangan panel, di mana para penceramah akan berkongsi contoh dunia sebenar yang menunjukkan bagaimana teknologi AI dan IoT menyumbang kepada masa depan digital yang lebih selamat dan mampan.

Sesi-sesi ini jelasnya, bertujuan untuk menginspirasikan dialog bermakna mengenai tadbir urus digital yang bertanggungjawab dan inovasi dalam menyokong pembangunan negara, keterangkuman dan berdaya tahan.

Di samping Persidangan dan Bengkel, DFCE 2025 terangnya, juga menampilkan pameran yang mempamerkan penyelesaian inovatif dan inisiatif utama yang diterajui oleh agensi kerajaan dan sektor swasta. Pameran ini menyediakan platform yang bernilai bagi para hadirin untuk berinteraksi secara langsung dengan teknologi dan perkhidmatan terkini yang mendorong transformasi digital Brunei dan menggalakkan peluang kerjasama baharu.

Acara kemudiannya diikuti dengan ucaptama yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, di mana Yang Berhormat berkongsi bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah berkenan mengurniakan perkenan untuk menukar nama Majlis Ekonomi Digital kepada Majlis Digital Brunei, berserta penstrukturan strategik keahlian untuk lebih mencerminkan penglibatan penting pelbagai pihak berkepentingan dalam perjalanan transformasi digital negara.

Yang Berhormat turut mengumumkan satu inisiatif baharu di bawah AITI, iaitu Waspada.bn, sebuah platform semakan fakta bagi membolehkan orang awam menyemak dan mengesahkan maklumat serta berita yang diterima melalui media sosial.

Buat masa ini, Waspada.bn boleh diikuti di Instagram, dan ia akan dikembangkan sebagai laman sesawang menjelang awal tahun 2026 bagi menyediakan maklumat yang lebih menyeluruh untuk rujukan awam dalam memerangi maklumat palsu dan berita tidak sahih.

Merujuk kepada penggubalan terkini Perintah Perlindungan Data Peribadi, Yang Berhormat turut menekankan bahawa tujuan utama perintah tersebut adalah untuk meningkatkan keyakinan orang ramai, membudayakan akauntabiliti dalam organisasi, serta memupuk kepercayaan dalam kalangan individu mengenai bagaimana data peribadi mereka dikendalikan.

Setelah tempoh *sunrise* selama setahun berakhir, perintah berkenaan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada Januari 2026.

Yang Berhormat juga memuji AITI atas penerbitan dua dokumen panduan penting, iaitu 'Panduan Membangunkan Program Pengurusan Perlindungan Data' dan 'Panduan Pelantikan Pegawai Perlindungan Data' untuk membantu organisasi mematuhi keperluan tersebut.

Majlis Pembukaan diteruskan lagi dengan pembentangan bertajuk 'AI dengan Tujuan : Membina Masa Depan Digital yang Dipercayai dan Inklusif' oleh Ketua AI dan Pakar Penyelesaian Global



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Persidangan dan Pameran Masa Depan Digital 2025 (The Digital Future Conference and Exhibition - DFCE 2025).**

dari Dell Technologies, Mei May Soo, yang juga peneraju AI yang memenangi anugerah di Asia Pasifik termasuk 50 Pemimpin Teknologi Wanita Teratas di APAC.

Selepas pembentangannya, Mei May Soo menyertai sesi perbincangan panel bertajuk 'Menyeimbangkan Inovasi, Peraturan dan Membangunkan Kepercayaan Awam', bersama Timbalan Pengarah, Future of Privacy Forum Asia Pacific, Dominic Paulger; dan Ketua Hal Ehwal Kerajaan ASEAN dari Microsoft, Maciej Surowiec. Forum berkenaan dimoderatorkan oleh Pengarah Urusan, Confer Sdn. Bhd., Allen Lai.

Selepas sesi panel, tetamu kehormat turut meninjau Pameran DFCE 2025 dan seterusnya merasmikan pelancaran Waspada.bn, iaitu sebuah platform baharu yang didedikasikan untuk memerangi maklumat palsu dan penipuan dalam talian. Inisiatif pelbagai agensi berkenaan diketuai bersama oleh Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), AITI dan Pasukan Polis Diraja Brunei, dengan matlamat untuk mempromosi ruang dalam talian yang lebih selamat untuk semua.

Dianjurkan oleh AITI sempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun 2025 (MYCE 2025), DFCE 2025 diadakan selama dua hari, dari 4 hingga 5 Jun 2025 bertempat di Setia Point, Berakas.

>> Muka 9

# SOLAT SUNAT HAJAT BERJEMAAH MOHON KESIHATAN, KESEJAHTERAAN





**KEMENTERIAN Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama dengan golongan masyarakat mengadakan Solat Sunat Hajat Berjemaah serta merafakkan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan seterusnya Solat Fardu Asar Berjemaah secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. – Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama dengan golongan masyarakat yang terdiri daripada anak-anak yatim, Ahli-ahli Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Persatuan-persatuan Orang Keperluan Khas (OKU), Persatuan-persatuan Wanita, Ahli-ahli Takmir Masjid, Kumpulan-kumpulan Muslimin dan Muslimah, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, penerima-penerima Bantuan Kebajikan Bulanan, penghuni dan residen Kompleks Rumah Kebajikan, rakan-rakan kongsi dari sektor awam dan swasta serta orang ramai telah mengadakan Solat Sunat Hajat Berjemaah serta merafakkan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan seterusnya Solat Fardu Asar Berjemaah secara serentak di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, tumpuan utama bagi mengadakan Solat Sunat Hajat Berjemaah dan seterusnya Bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan adalah di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang.

Manakala Daerah Tutong pula, tumpuan utama adalah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Bagi Daerah Belait, majlis diadakan dengan tumpuan utama di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait.

Sementara di Daerah Temburong, tumpuan majlis adalah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Dengan penyertaan golongan sasaran dan rakan-rakan strategik Jabatan Pembangunan Masyarakat, KKBS, ia mencerminkan pendekatan inklusif kerajaan serta keprihatinan masyarakat terhadap raja yang amat dikasihi.

Semoga doa-doa ikhlas yang dititipkan akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala dan menjadi sumber keberkatan, keafiatan serta kesejahteraan yang berpanjangan bagi raja dan negara.

# Pastikan bekalan makanan selamat, masyarakat kekal sihat




**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Lembaga Pengarah Autoriti Makanan Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Jun. - 'Keselamatan Makanan : Sains Beraksi (Food Safety : Science in Action)' merupakan tema bagi Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada tahun ini, yang bertujuan untuk mengingatkan kita mengenai peranan penting yang dimainkan oleh sains dalam keselamatan makanan, membantu kita memahami risiko-risiko dan mengenal pasti ancaman-ancaman di dalam rantaian bekalan makanan, bagi membolehkan penggubalan strategi - strategi untuk mengatasinya.

Bagi setiap makanan yang kita makan setiap hari, pelbagai inovasi dan penyelidikan yang teliti telah dilakukan dari ladang sehingga ke pinggan kita untuk memastikan makanan kita selamat untuk dimakan.

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) berucap sedemikian bersempena dengan Hari Keselamatan Makanan Sedunia.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri, sains membantu kita mengesan bahan-bahan pencemar, memperbaiki amalan perladangan dan bertindak balas terhadap risiko-risiko baharu sebelum ia sampai kepada kita. Di sebalik setiap pemeriksaan, piawaian dan dasar, terdapat ramai ahli profesional yang menggunakan segala bahan bukti, teknologi, dan kreativiti untuk memberikan perlindungan kepada kita semua.

"Di seluruh dunia, makanan yang tidak selamat terus menjadi penyebab pelbagai jenis penyakit dan malah kematian, terutamanya di kalangan mereka yang berisiko tinggi. Hari Keselamatan Makanan Sedunia ini merupakan satu peringatan bahawa memastikan setiap makanan selamat untuk dimakan adalah satu tanggungjawab yang dipikul bersama oleh setiap orang, dan sains memberikan kita alat untuk bertindak di mana melalui ujian, pemantauan, pendidikan, dan peraturan yang lebih baik, kita akan dapat memastikan makanan kita selamat untuk dimakan," jelas Yang Mulia Timbalan Menteri.

Ujar Yang Mulia Timbalan Menteri, setiap orang yang terlibat di dalam industri makanan sama ada para petani, pengimport makanan, pengeluar makanan, pengendali perniagaan makanan, pengawal selia dan institusi pendidikan perlu bekerjasama untuk menjadikan pengetahuan saintifik sebagai penyelesaian praktikal dengan mendukung penyelidikan, membina sistem kawalan makanan yang kukuh dan memperkasa orang ramai untuk membuat pilihan makanan yang selamat.

Selain itu, tambahnya kita juga perlu menyantuni ketelusan dengan menjelaskan kepada para pengguna tentang langkah-langkah yang telah kita ambil untuk melindungi mereka, melabur ke arah pencegahan dengan menggunakan teknologi canggih bagi pengesanan awal risiko-risiko terhadap makanan, memberikan latihan dan melengkapi para pekerja dengan pengetahuan keselamatan makanan yang terkini, saling bekerjasama untuk menangani cabaran-cabaran yang baru muncul, seperti kesan perubahan iklim atau bahan-bahan pencemar yang baharu dan mendengar maklum balas daripada pengguna kerana keselamatan makanan bukanlah sesuatu yang statik, ia bahkan berkembang mengikut keperluan kita dari semasa ke semasa.

"Para pengguna juga mempunyai peranan dalam keselamatan makanan. Sentiasa beringat, kekal bermaklumat dan amalkan tatacara pengendalian makanan yang baik di rumah. Langkah-langkah mudah, seperti mencuci tangan, menyimpan makanan dengan betul atau membaca label, memberikan manfaat yang besar kepada semua. Berikan dukungan kepada para peniaga yang mengutamakan keselamatan kerana apabila kita memilih untuk mendapatkan produk yang lebih baik, kita akan dapat yang lebih baik. Bilamana kita semua mengambil serius tentang keselamatan makanan, kita akan saling melindungi di antara satu sama lain," terang Yang Mulia Timbalan Menteri.

Pada hari ini, Yang Mulia Timbalan Menteri mengajak orang ramai untuk meraikan kemajuan yang telah dicapai dan menguatkan tekad untuk membuat yang lebih baik. Kerana makanan yang selamat bukanlah satu keistimewaan ia adalah satu hak.

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri lagi, kita perlu komited untuk menjadikan keselamatan makanan jelas, boleh diakses dan boleh dilakukan oleh semua orang sama ada ketika memasak untuk keluarga, selaku penjaja di gerai atau pasar, sebagai seorang penjual makanan yang beroperasi dari rumah, atau seorang tukang masak di restoran. Apabila kita memahami sebab di sebalik keselamatan makanan, kita akan membuat pilihan-pilihan yang lebih baik.

"Marilah kita berikan penghormatan dan penghargaan kepada para saintis, pegawai pemeriksa, petani, pengimport makanan, pengeluar makanan dan pengendali makanan yang sentiasa menjadikan pengetahuan sebagai keselamatan untuk kita semua. Mereka bekerja bertungkus lumus untuk memastikan bekalan makanan kita selamat dan masyarakat kita terus sihat.

"Terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan dalam menjalankan tugas yang sangat penting ini dan menjadi sebahagian daripada usaha ini. Kekal dalam keselamatan, kekal bermaklumat dan marilah kita terus beringat-ingat di antara satu sama lain. Setiap langkah, apabila berpandukan kepada sains, menjadikan makanan kita lebih selamat," ujar Yang Mulia Timbalan Menteri.

Bagi mengakhiri ucapannya, Yang Mulia Timbalan Menteri sebagai mewakili pihak Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan BDFA, dengan tulus ikhlas ingin menzahirkan ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah kepada seluruh umat Islam di Negara Brunei Darussalam.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Makanan Brunei Darussalam (BDFA) semasa berucap pada Hari Keselamatan Makanan Sedunia.**



ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# MEMPERKUKUH KEWIBAWAAN INSTITUSI FATWA MASA KINI



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan mempengerusikan Persidangan Mufti-mufti Serantau sempena 60 Tahun Penubuhan Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam (kiri dan bawah kiri).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Jun. - Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Persidangan Mufti-mufti Serantau sempena 60 Tahun Penubuhan Institusi Fatwa di Negara Brunei Darussalam, bertempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Objektif utama persidangan yang bertemakan 'Memartabatkan Fatwa' berkenaan adalah sebagai platform perkongsian pandangan dan pengalaman para mufti serantau, khususnya dalam usaha memperkukuh kewibawaan institusi fatwa serta langkah-langkah dalam menangani cabaran yang berkaitan dengan hal ehwal kefatwaan masa kini.

Di samping itu, persidangan turut bertujuan mengenal pasti peluang kerjasama antara institusi-institusi fatwa serantau.

Ketika berucap mempengerusikan persidangan berkenaan, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menjelaskan bahawa cabaran isu-isu kefatwaan bukan perkara baharu tetapi telah wujud sejak ratusan tahun yang lalu.

Namun, kata Yang Berhormat lagi, kita berbangga, para ulama ketika itu, merupakan ulama kesatria, rela menerima apa saja, namun untuk tunduk kepada taghut tidak sekali.

Imam Abu Hanifah ujar Yang Berhormat, pernah dihukum sebat dan penjara oleh Khalifah al-Mashur dalam Dinasti Abbasiyah kerana menolak jawatan kadi, dan sebelum itu, dalam Dinasti Umayyah, beliau juga dipenjara oleh Khalifah Marwan kerana menolak jawatan hakim.

"Imam Malek pada tahun 179 Hijrah bersamaan tahun 764 Masihi, juga pernah dipenjara oleh Gabenor Kota Madinah dan Khalifah Abu Ja'afar bin Manshur kerana dianggap melawan khalifah dengan fatwanya berdasarkan hadis bahawa tiada talak bagi orang yang dipaksa.

"Imam asy-Syafi'i juga, tidak terkecuali difitnah oleh pendengki bernama Mutharrif bin Mazin yang mempengaruhi Khalifah Harun ar-Rashid untuk menangkap Imam asy-Syafi'i.

"Akhirnya Imam asy-Syafi'i ditangkap, tangan dan kaki beliau diikat dengan rantai, dan diarak di jalanan selaku seorang yang dituduh melawan khalifah," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat selanjutnya berkata, lepas itu Imam Ahmad bin Hanbal pula pernah disebat dan dipenjara selama 30 bulan oleh Khalifah al-Makmun kerana tidak mahu mengaku Al-Quran itu makhluk, sebagaimana kepercayaan al-Muktazillah.

Menurut Yang Berhormat, pada masa itu Khalifah al-Makmun sangat kuat berpegang kepada pendapatnya Al-Quran adalah makhluk seperti manusia. Pendapatnya ini turut dipaksakan kepada ulama untuk menerimanya.

Namun kata Yang Berhormat, Imam Ahmad tetap tidak berganjak dengan pendapatnya Al-Quran bukan makhluk tetapi *Kalamullah. Kalamullah* adalah bukan makhluk. Kerana pendiriannya ini, Imam Ahmad sampai merengkok dalam penjara 30 bulan dan diseksa dengan 60 kali rotan.

Yang Berhormat seterusnya berkata, setelah Imam Ahmad meninggal dunia, salah seorang anak muridnya bermimpi bertemu dengan beliau. Anak murid bertanya : "Wahai imam, apa yang dikata oleh Tuhan tuan kepada tuan?" Imam Ahmad menjawab : "Telah bertanya Tuhan saya kepada saya : Adakah benar mereka merotanmu, wahai Ahmad?" Menjawab Imam Ahmad : "Benar, wahai Tuhanku." Bertanya seterusnya Allah : "Adakah engkau menerima sebatan itu kerana Aku?" Menjawab Imam Ahmad : "Engkau lebih mengetahui wahai Tuhanku".

Maka tambah Yang Berhormat lagi, berfirman Allah : "*Kalau begitu, Aku masukkan engkau ke dalam syurga tempat tinggal para hamba-Ku yang soleh tetapi Aku akan beri juga kepadamu lebih daripada syurga.*" *Bertanya Imam Ahmad : "Apakah bendanya yang lebih daripada syurga itu, wahai Tuhanku?" Menjawab Allah : "Aku akan perkenankan engkau untuk memandang wajah-Ku yang mulia*".

Menyebut kisah-kisah berkenaan tegas Yang Berhormat, bukankah semuanya itu 'cabaran'? Para ulama tidak lepas dari cabaran. Fatwa-fatwa para mufti adalah cabaran.

Cuma ujar Yang Berhormat lagi, cabaran pada zaman silam, pada zaman Imam Abu Hanifah, Imam Malek, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad adalah berbeza dengan cabaran pada zaman kini.

"Alhamdulillah, pada zaman kini, raja-raja kita adalah raja-raja budiman belaka, kita belum pernah mendengar raja-raja kita menghukum para mufti atau mempertikai fatwa, tetapi mereka menghormati mufti dan sekali gus menghargai fatwa. Nah, dari sudut ini, cabaran adalah ringan.

"Tetapi sebaliknya, cabaran adalah berat datangnya dari kalangan awam, kalangan awam sedang dilihat kurang prihatin terhadap mufti dan fatwa, dan buktinya mudah, boleh dilihat dalam kehidupan seharian, di mana masih ramai orang-orang Islam membuka aurat, yang tenggelam siang malam dengan hiburan, lelaki dan perempuan yang bukan mahram berpelukan dalam drama-drama televisyen (TV), lain lagi isu dadah, isu arak, isu judi, isu penyelewengan wang dan makanan tidak halal dan lain-lain, yang kian menjadi-jadi, padahal semua itu sudah diingatkan oleh fatwa, tetapi malang, fatwa dan irsyad seperti tidak berkesan.

"Tidakkah ini cabaran kepada institusi fatwa untuk kita lebih fokus kepada memperkasa fatwa dan hal-hal kefatwaan, dan apa-apa jua yang patut kita buat mengenainya?Dalam makna kita tidak wajar berdiam diri terhadap isu-isu maksiat ini.Kita dituntut bangun, sekurang-kurang menegurnya," kata Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, ini berkaitan dengan sebuah riwayat memperingatkan kita tentang akibat diam, akibat bersikap mendiamkan diri.

Riwayat tersebut tambah Yang Berhormat, mengisahkan tentang sebuah negeri atau kampung yang rata-rata penghuninya melakukan maksiat. Allah telah memerintahkan Jibril untuk menghancurkan negeri atau kampung itu bersama-sama dengan penghuninya sekali.

Lalu kata Yang Berhormat, Jibril pun turun untuk melaksanakan perintah Allah. Tetapi Jibril mendapati dalam kalangan penduduk yang bermaksiat ini, ada seorang hamba yang soleh. Jadi bagaimana ini, adakah dia (hamba yang soleh) itu juga akan turut dihancurkan?

Lalu jelas Yang Berhormat, Jibril pun menghadap Allah memberitahu perkara ini, meminta ketentuan tentang hamba yang soleh ini, adakah dia juga akan dihancurkan, sedang dia tidak pernah melakukan sebarang maksiat? Menjawab Allah berfirman : "Wahai Jibril, dia dahulu yang engkau hancurkan sebelum orang lain, kerana sikapnya membisu tidak membuka mulut melihat maksiat berlaku di hadapan matanya.

"Ini, satu perkara berat dan ngeri untuk diambil iktibar. Dalam era digital ini, maksiat benar-benar membungkus kita, berkehendakkan keberanian untuk menegurnya.

"Persidangan ini elok membincangkan mengenai dua perkara : pertama perkara berkaitan dengan memartabatkan fatwa, dan kedua perkara mendepani cabaran-cabaran semasa," ujar Yang Berhormat lagi.

Persidangan yang berlangsung selama hampir tiga jam berkenaan dihadiri oleh beberapa mufti dari Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Kemboja dan Thailand.






**YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa bergambar ramai pada persidangan tersebut (kanan).**

# SESI MUZAKARAH BINCANG PERKEMBANGAN MAZHAB SYAFI'I LEBIH MENDALAM






**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas), manakala gambar atas kiri, Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i dimulakan dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Timbalan Mufti Kerajaan.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 4 Jun. - Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini, menjadi wadah medan perbincangan terbuka bagi para ilmuwan dalam membincangkan perkembangan mazhab secara lebih mendalam.

Tema 'Memperkasa Mazhab Syafi'i Dalam Era Digital' telah dipilih sebagai fokus utama dengan tujuan untuk menyerlahkan keistimewaan dan kelebihan Mazhab Syafi'i, di mana ia adalah sistem perundangan yang sesuai setiap zaman dan sentiasa *evergreen*.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Muzakarah Ulama Nusantara Mazhab Syafi'i dimulakan dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin dengan tajuk 'Memperkasakan Mazhab Syafi'i dalam era Digital di Brunei Darussalam' yang menekankan keperluan memperkasa autoriti keagamaan tradisional (seperti para ulama dan institusi fatwa) dengan latihan teknologi dan strategi komunikasi digital, supaya mereka tetap menjadi rujukan utama di tengah gelombang maklumat terbuka.

Sementara itu, kertas kerja bertajuk 'Memperkasakan Mazhab Syafi'i dalam era Masyarakat Digital di Malaysia' telah disampaikan oleh Mantan Mufti Wilayah Persekutuan, Profesor Madya Datuk Dr. Haji Luqman bin Haji Abdullah.

Antara inti pati yang dapat diambil dalam pembentangan berkenaan ialah pendigitalan fatwa dan hukum oleh institusi fatwa perlu dilihat sebagai langkah penerusan dalam pemerkasaan Mazhab Syafi'i.

Seterusnya, wakil Ketua Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) Bidang Fatwa, Indonesia, Profesor Dr. Abdurrahman Dahlan M.A, telah menyampaikan kertas kerja yang bertajuk 'Relevansi Dan Tantangan Mazhab Syafi'i Pada Masa Kini Dalam Kaitannya Dengan Fatwa-Fatwa Mui (Majelis Ulama Indonesia)' yang menekankan mengenai ijtihad *muqayyad* (terikat mazhab) dan *ijtihad munfakk* (lintas mazhab) secara selektif dan kolektif (*jama'i*) dengan memastikan untuk menjaga kesatuan prinsip dan tidak mengabaikan warisan *tur th* yang menjadi khazanah Mazhab Syafi'i.

Manakala Setiausaha Kementerian Keugamaan Kemboja, Yang Berbahagia Dr. Yob Ashkary, telah menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Pengukuhan Mazhab Syafi'i Dan Pendidikan Islam Wasatiyyah Di Kemboja' yang membincangkan mengenai penubuhan Pusat Pendidikan Islam Kemboja yang berteraskan Mazhab Syafi'i dan pendekatan Islam Wasatiyyah, sebagai strategi jangka panjang untuk membina generasi muda yang teguh aqidah, berakhlak, dan berpendidikan tinggi. Timbalan Mufti Republik Singapura, Yang Berbahagia Dr. Izal Mustafa Kamar pula menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Memperkasakan Mazhab Syafi'i dalam era Masyarakat Digital di Singapura' yang menyentuh mengenai kepentingan dalam penggunaan Teknologi Secara Beretika dan Proaktif di mana institusi keagamaan dan masyarakat perlu memanfaatkan teknologi digital secara berstrategik dalam menyebarkan ilmu Mazhab al-Syafi'i dengan memastikan prinsip agama dan etika Islam sentiasa terpelihara.

Dengan tajuk kertas kerja 'Memperkasa Mazhab Syafi'i Dalam Masyarakat Digital Di Thailand' yang disampaikan oleh Sheikul Islam Thailand, Dr. Wisarut Lohwithee menekankan keperluan untuk membangun kerjasama serantau dalam membangunkan pusat sumber digital Mazhab Syafi'i yang mengandungi koleksi kitab, ceramah dan fatwa daripada para ulama Syafi'iyyah Asia Tenggara dengan sokongan institusi fatwa dan pendidikan Islam. Moderator bagi acara muzakarah tersebut ialah Penolong Profesor, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Kamaru Salam bin Yusof.

Di samping itu, acara penyampaian sijil kepada kertas kerja dan pembentangan terbaik telah disampaikan oleh tetamu kehormat majlis. Penerima-penerima Kertas Kerja Terbaik Persidangan Mazhab Syafi'i bagi Kategori Bahasa Melayu ialah Profesor Madya Dr. Ibnor Azli Ibrahim dan Sharifah Shazwani Syed Mohamed dari UNISSA; Dr. Haji Mohammad Abul Fadle bin Haji Maidin UNISSA; dan Pengiran Dr. Hajah Siti Norainna binti Pengiran Haji Besar dari Universiti Brunei Darussalam (UBD); dan Nurul Asmaa Haji Jahari dan Dr. Haji Azme bin Haji Matali.

Bagi Kategori Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab pula masing-masing diterima oleh Nabilah binti Johari, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, Profesor Dr. Hamzah Mohd Salleh dan Dr. Mohamed Hamadkinane Maiga dari UNISSA. Manakala penerima-penerima bagi Pembentang Terbaik bagi Kategori Bahasa Melayu ialah Rabiahtul Shahnazirah binti Mohd. Shahrenidzam dari UNISSA; Dr. Muhajir Al-Fairusy dari STAIN Meulaboh & Pusat Studi Peradaban Islam Asia Tenggara dan Mazhab Syafi'i, Aceh Indonesia; dan Profesor Dr. Abdul Karim Ali dari Universiti Malaya. Bagi Kategori Bahasa Inggeris pula penerimanya ialah Profesor Dr. Abdur Razzaq dari Universitas Islam Negeri Raden Fatah Palembang; dan Dr. Abdelnaser Abdelgalil Mohamed Mousa dari UNISSA bagi Kategori Bahasa Arab.

Seterusnya Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, UNISSA, Profesor Madya Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni, telah membentangkan Resolusi Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i; tetamu-tetamu khas dari dalam dan luar negara, pegawai-pegawai utama UNISSA dan para peserta persidangan.

# Mendorong transformasi digital, menggalakkan peluang kerjasama baharu

**Oleh : Aimi Sani**

**>> Muka 6**

Persidangan tahun ini membawa tema 'Membina Kepercayaan dan Memperkasa Inovasi demi Masa Depan Digital yang Mampan'. Acara yang dinanti-nantikan berkenaan membincangkan pelbagai topik berwawasan termasuk perlindungan data peribadi, Kecerdasan Buatan (AI), Internet Pelbagai Benda (IoT), dan keselamatan dalam talian, dengan penekanan khusus untuk memastikan transformasi digital memperkukuh, bukan melemahkan, kepercayaan awam.

Acara berkenaan telah menarik penyertaan lebih daripada 500 peserta.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta MTIC, diplomat asing, ahli-ahli pihak berkuasa AITI, pegawai kanan kerajaan serta pihak berkepentingan utama daripada pelbagai industri.

Sempena DFCE 2025, satu Persidangan ASEAN tertutup mengenai penggunaan awan untuk sektor awam turut diadakan, yang menghimpunkan wakil-wakil dari Negara Anggota ASEAN. Dalam laluan selari, sebanyak empat bengkel berturut-turut akan dijalankan, menawarkan peluang pembelajaran praktikal dalam bidang kritikal seperti pengurusan kebocoran data dan pembangunan rangka kerja keselamatan menggunakan platform seperti Microsoft 365.

Sementara itu, DFCE 2025 turut menampilkan pameran yang mengetengahkan penyelesaian inovatif dan inisiatif utama yang diketuai oleh agensi kerajaan dan sektor swasta seperti Brunei Innovation Lab; Unified National Networks Sdn. Bhd.; Progresif Sdn. Bhd.; Comquest Sdn. Bhd.; Integrated Communications Sdn. Bhd. dan Futurestore Company.

Dataworks Sdn. Bhd. dan Drew and Napier LLC turut mengetengahkan latihan dan khidmat nasihat mengenai perlindungan data peribadi dan keselamatan siber, manakala Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) mempromosi sektor-sektor utama dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, termasuk sokongan ICT untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Darussalam Enterprise (DARe).

Meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam talian juga diberi penekanan, dengan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) berkongsi kajian kes terkini serta trend semasa berkaitan penipuan dalam talian dan jenayah siber.

Seiring dengan perjalanan transformasi digital Negara Brunei Darussalam, DFCE 2025 berperanan sebagai platform penting yang menghimpunkan pembuat dasar, pengawal selia, peneraju industri, pakar teknologi, dan masyarakat sivil untuk dialog bermakna, pembentangan mendalam, perbincangan pakar dan kerjasama strategik.

Untuk maklumat lanjut dan program penuh, sila layari *https://aiti.gov.bn/digitalfutureconfex.*

# KONVENSYEN IOMED KETENGAHKAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN ANTARABANGSA MELALUI PENGANTARAAN






Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam menghadiri Majlis Menandatangani Konvensyen mengenai Penubuhan Pertubuhan Antarabangsa bagi Pengantaraan (IOMed) dan Forum Global mengenai Pengantaraan Antarabangsa yang diadakan di Hong Kong SAR pada 30 Mei 2025 (kiri dan kiri sekali).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon menghadiri Majlis Menandatangani Konvensyen mengenai Penubuhan Pertubuhan Antarabangsa bagi Pengantaraan (IOMed) dan Forum Global mengenai Pengantaraan Antarabangsa yang diadakan di Hong Kong SAR pada 30 Mei 2025.

Ketua Hakim Mahkamah Besar menyaksikan pemeteraian Konvensyen IOMed dalam satu majlis yang dipengerusikan oleh Menteri Luar China, Tuan Yang Terutama Wang Yi.

Konvensyen IOMed menubuhkan organisasi perundangan antarabangsa antara kerajaan yang pertama di dunia berdedikasi untuk menyelesaikannya pertikaian antarabangsa melalui pengantaraan.

Majlis tersebut dihadiri oleh wakil dari beberapa negara termasuk Indonesia, Pakistan, Laos, Kemboja dan Serbia.

Wakil daripada 20 badan antarabangsa, termasuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu turut menghadiri majlis tersebut.

Forum Global mengenai Pengantaraan Antarabangsa merangkumi topik termasuk 'State to State Mediation' dan 'International Investment and International Commercial Dispute Mediation.'

Ketua Hakim Mahkamah Besar juga mengadakan pertemuan dengan Timbalan Ketua Hakim Bahagian Sivil Keempat Mahkamah Agung Rakyat China, Puan Yang Terutama Hakim Hu Fang, semasa acara sampingan bagi Majlis Menandatangani Konvensyen IOMed dan Forum Global mengenai Pengantaraan Antarabangsa.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Hajah Hazarena binti POKSJ DP Haji Huraidah bersama seorang lagi pegawai kanan kehakiman dari Mahkamah Besar.

# JJC Ke-8 bincangkan hal kehakiman, undang-undang berkepentingan bersama






**YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam bersama delegasi hakim kanan dan pegawai kehakiman dari Badan Kehakiman Negara Brunei Darussalam menghadiri 8th Joint Judicial Conference (JJC) yang dihoskan oleh Badan Kehakiman Singapura (atas dan kiri).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. – Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama delegasi hakim kanan dan pegawai kehakiman dari Badan Kehakiman Negara Brunei Darussalam, baru-baru ini menghadiri 8th Joint Judicial Conference (JJC) yang dihoskan oleh Badan Kehakiman Singapura.

Badan Kehakiman Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura bertemu pada persidangan dwitahunan itu untuk membincangkan hal-hal kehakiman dan undang-undang yang mempunyai kepentingan bersama.

Sejak penubuhannya pada 2011, JJC menyediakan platform yang tidak ternilai untuk kerjasama kehakiman bagi ketiga-tiga Badan Kehakiman bagi mengeratkan hubungan dengan melibatkan diri dalam dialog bermakna mengenai topik yang mempunyai kepentingan bersama dan mengukuhkan hubungan yang sedia berdaya tahan dan hubungan yang telah lama terjalin.

Tema JJC Ke-8 ialah 'Building a Future-Ready Judiciary', memfokuskan pada aspek utama kecemerlangan kehakiman dalam dunia yang berubah dengan pantas.

Tiga Badan Kehakiman, masing-masing diwakili oleh hakim mereka, menyampaikan pembentangan oleh penceramah selain terlibat dalam perbincangan panel mengenai isu-isu baharu muncul termasuk 'Access to Justice and Technology: Potential and Pitfalls', 'Judicial Communication and Cooperation in Cross-Border Disputes' dan 'Judicial Education, Wellbeing, and the Role of Judges in a Modern Judiciary.'

Dalam ucapan pembukaannya, Ketua Hakim Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam menekankan bahawa 'badan kehakiman harus berkembang, bekerjasama dan berinovasi' dan topik yang dibincangkan pada persidangan itu jelasnya mengarah ke teras bagaimana kita mentadbir keadilan dan ia berakar umbi dalam kerja yang kita lakukan sebagai hakim, bukan sahaja untuk menegakkan kedaulatan undang-undang tetapi juga untuk memastikan sistem keadilan kita kekal inklusif, boleh diakses dan responsif kepada keperluan yang berkembang bagi mereka yang kita berikan khidmat.

Yang Amat Arif menambah bahawa hubungan berkekalan antara Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura mencerminkan bukan sahaja masa lalu yang berakar sejak lama dalam tradisi undang-undang biasa tetapi juga persahabatan yang rapat dan kekal.

Lebih 62 peserta dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Singapura menghadiri persidangan tersebut.

# PEMERINTAH ABDB DIKURNIAKAN ANUGERAH

**PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengadakan Lawatan Rasmi ke Kerajaan Thailand dari 4 hingga 6 Jun 2025, bagi menerima Anugerah Bintang Diraja berprestij, iaitu The Knight Grand Cross (First Class) of the Most Noble Order of the Crown of Thailand.**



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**THAILAND**, Khamis, 6 Jun. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Kerajaan Thailand dari 4 hingga 6 Jun 2025, bagi menerima Anugerah Bintang Diraja berprestij, iaitu The Knight Grand Cross (First Class) of the Most Noble Order of the Crown of Thailand.

Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Songwit Noonpackdee telah menyempurnakan penyampaian Bintang Diraja tersebut bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua dalam satu Majlis Istiadat Penganugerahan yang berlangsung di Dewan Naresuan, Markas Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi telah dikurniakan anugerah tersebut sebagai pengiktirafan atas jasa cemerlang, perkhidmatan terbilang dan sumbangan besar beliau dalam memperkukuhkan silaturahim serta hubungan ketenteraan antara ABDB dan Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Di bawah kepimpinan beliau, interaksi dan kerjasama dua hala antara kedua-dua angkatan tentera telah berkembang pesat melalui perlaksanaan pelbagai aktiviti ketenteraan seperti eksesais bersama, latihan, kursus, mesyuarat dan lawatan dua hala. Interaksi yang sangat luas ini telah mengeratkan lagi hubungan baik yang sudah lama terjalin di antara kedua-dua angkatan tentera.

Sebelum Majlis Istiadat Penganugerahan berlangsung, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi telah disambut mesra oleh Tuan Yang Terutama Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi telah diberikan penghormatan penuh termasuk menerima Tabik Hormat dan pemeriksaan Kawalan Kehormatan yang dikendalikan oleh anggota Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Sejurus selesai memeriksa Kawalan Kehormatan, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi turut mengadakan Kunjungan Hormat ke atas TYT Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand, sebagai membalas Lawatan Rasmi TYT Ketua Turus Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand ke Negara Brunei Darussalam pada 19 hingga 21 Jun 2024 yang lalu.

Terdahulu, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi juga pernah dianugerahkan Honourary Parachutist Badge yang disampaikan oleh TYT Jeneral Chalermphon Srisawasdi, Ketua Turus Pertahanan Thailand ketika itu, semasa Lawatan Rasmi beliau ke Kerajaan Thailand pada 22 hingga 24 Jun 2023.

# Tingkatkan kefahaman mualaf mengenai hikmah ibadah korban



**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Program Tarbiyah Ibadah Korban Bersama Muallaf Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Persidangan, PDI (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada program berkenaan.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**PULAIE**, Jumaat, 6 Jun. - Dalam usaha mengongsikan pengetahuan dan juga meningkatkan lagi pemahaman khususnya mengenai keistimewaan Hari Raya Aidiladha dan juga fadilat ibadah korban kepada para mualaf di samping mengambil pengajaran di sebalik hikmah ibadah yang disyariatkan ini, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) mengungkayahkan Program Tarbiyah Ibadah Korban Bersama Muallaf Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Persidangan, PDI, hari ini.

Program yang bermanfaat tersebut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Program berkenaan dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pembantu Perkembangan Ugama, PDI, Awang Syamim Farhan bin Haji Sufri.

Acara diserikan lagi dengan ceramah bertajuk 'Ibrah Ibadah Korban Dalam Kehidupan' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Antara inti pati ceramah mengongsikan bahawa ibadah korban adalah di antara amalan yang sangat dituntut oleh agama Islam dan mempunyai banyak hikmah dan kelebihan antaranya ialah sebagai tanda syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat dan rezeki yang dikurniakan-Nya dan juga merupakan antara jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan adanya program bermanfaat ini, dihasrat akan dapat memupuk semangat saudara-saudara baru tentang ibadah korban selain membimbing mereka untuk menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala daripada peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam.





**PENOLONG Pegawai Ugama, PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin semasa menyampaikan ceramah bertajuk 'Ibrah Ibadah Korban Dalam Kehidupan'.**

# Penumpang RB bakal nikmati internet berkelajuan tinggi di udara

**Siaran Akhbar : Royal Brunei Airlines**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Intelsat, pengendali rangkaian satelit dan daratan bersepadu terbesar di dunia, dipilih oleh Royal Brunei Airlines (RB) untuk menyediakan perkhidmatan sambungan dalam penerbangan multi-orbit kepada pesawat Airbus A320neo, mengukuhkan kedudukan Intelsat sebagai salah satu penyedia utama perkhidmatan jalur lebar dalam kalangan syarikat penerbangan Asia-Pasifik.

"Penumpang RB tidak lama lagi bakal menikmati kemudahan sambungan multi-orbit yang juga akan menyediakan akses internet yang setanding dengan kelajuan dan kebolehpercayaan internet di rumah, tanpa mengira lokasi atau masa mereka berada di udara," jelas Ketua Pegawai Komersial Intelsat, Mike DeMarco.

Menurutnya, kerjasama Intelsat dengan syarikat penerbangan yang semakin berkembang seperti RB menyerlahkan bagaimana syarikat penerbangan di seluruh Asia menerajui kemajuan dalam kesalinghubungan tercanggih.

RB menyediakan perkhidmatan berjadual di seluruh Asia, Timur Tengah, Australia dan United Kingdom.

Bermula pada suku keempat 2025, Intelsat akan memulakan pemasangan pada pesawat pertama daripada tujuh pesawat A320 untuk mendapatkan antena *electronically steered array* (ESA) baharu Intelsat, yang tingginya kurang daripada tujuh sentimeter dan memberikan kebolehpercayaan yang tiada tandingan yang menghubungkan, kepada rangkaian satelit geopegun Intelsat serta satelit Low Earth Orbit (LEO) rakan kongsinya.

Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin Haji Abdul Hamid berkata, mereka merasa teruja membawa generasi sambungan seterusnya kepada armada Airbus A320neo, memastikan para penumpang mereka kekal berhubung tanpa gangguan ke mana sahaja tujuan perjalanan mereka.

Teknologi ini bukan sahaja menetapkan standard baharu untuk internet dalam penerbangan, tetapi juga mencerminkan komitmen mereka terhadap inovasi dan memberikan pengalaman yang luar biasa kepada para pengembara di seluruh rantau.

Menjelang akhir tahun ini, para penumpang akan menikmati akses internet yang stabil bagi aplikasi kegemaran, alatan kerja dan hiburan tidak kira ke mana tujuan perjalanan mereka, membantu menjadikan perjalanan mereka lebih produktif, menyeronokkan dan sentiasa berhubung.

Mereka percaya bahawa kekal berhubung semasa di udara adalah suatu keperluan dan berbangga untuk bekerjasama dengan Intelsat dalam menyediakan pengalaman tahap seterusnya ini kepada para pengembara di seluruh rantau Asia-Pasifik.

PELITA BRUNEI

# Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara

## Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Haji Abdul Hamid



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (kiri), manakala gambar bawah kanan, antara yang turut serta pada majlis berkenaan.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79, Tahun 2025 diadakan petang tadi bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Majlis berkenaan adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam yang telah diadakan pada Khamis, 12 Ramadan 1446 Hijrah bersamaan 13 Mac 2025 Masihi lalu di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis pemantauan diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku tetamu kehormat majlis.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Sejurus itu diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di kesemua daerah adalah terdiri daripada 1,708 orang dalam kalangan Ahli-ahli MPMK, Pertubuhan WARGAMAS, penuntut-penuntut sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di keempat-empat daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Kategori Dewasa Wanita, Kategori Belia dan Beliawanis (berumur 13 hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Turut terlibat sama ialah para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta para penuntut sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Ketua Pegawai Ugama Daerah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, KHEU, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah masing-masing, pegawai-pegawai ugama, bilal-bilal dan Ahli-ahli Takmir Masjid.

## Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.**

**TUTONG**, Khamis, 5 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79, Tahun 2025 telah diadakan hari ini bermula selepas Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bertempat di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Di Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan pemantauan diketuai oleh tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Asar yang diimamkan oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohd. Waiz bin Tajuddin, dan disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis di daerah masing-masing.

Diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang juga dipimpin oleh Awang Mohd. Waiz.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di kesemua daerah adalah terdiri daripada 1,708 orang dalam kalangan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), Pertubuhan WARGAMAS, penuntut-penuntut sekolah dan Institusi-institusi Pengajian Tinggi di keempat-empat daerah mengikut Kategori Dewasa Lelaki, Kategori Dewasa Wanita, Kategori Belia dan Beliawanis (berumur 13 hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Turut dilibat sama adalah para penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran Remaja dan Kanak-kanak Lelaki dan Perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta para penuntut sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Hadir pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dalam kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Ketua Pegawai Ugama Daerah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, KHEU, KKBS dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan daerah masing-masing, pegawai-pegawai ugama, bilal-bilal dan Ahli-ahli Takmir Masjid.



**ANTARA yang turut serta pada majlis tersebut.**

# Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara

## Daerah Temburong

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**





**SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (kiri), manakala gambar atas, antara pelajar yang turut serta pada majlis berkenaan.**

**TEMBURONG**, Khamis, 5 Jun. - Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025, Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara diadakan hari ini secara serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Temburong, Majlis Pemantauan tersebut diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dengan melibatkan seramai 334 orang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya memantau bagi daerah ini ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat. Ini diikuti Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di kesemua daerah adalah terdiri daripada 1,708 orang dari kalangan Ahli-ahli MPMK, Pertubuhan WARGAMAS, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Turut dilibat sama adalah penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Hadir sama, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, KHEU dan Kementerian Pendidikan, Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Perayaan sempena sambutan berkenaan bagi Daerah Temburong, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku ketua-ketua kampung.

## Daerah Belait

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**





**SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli MPMK dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait (kiri dan atas).**

**BELAIT**, Khamis, 5 Jun. - Majlis Pemantauan Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan Penuntut-penuntut Sekolah Seluruh Negara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 bagi Tahun 2025 telah diadakan hari ini bertempat di masjid-masjid terpilih di seluruh daerah.

Majlis Pemantauan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran berkenaan adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran Majlis Khatam Al-Quran 79 Kali Khatam yang diadakan pada 13 Mac 2025 lalu di masjid-masjid terpilih di setiap daerah.

Di Daerah Belait, majlis seumpamanya diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, di sini. Hadir memantau pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan yang juga hadir selaku tetamu kehormat.

Acara dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid tersebut, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

Kemudian disusuli dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh imam masjid tersebut, Awang Md. Nazhiim Mustaqim bin Zaini, diikuti dengan Majlis Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran beramai-ramai secara persendirian.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Para peserta bagi pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran di kesemua daerah adalah terdiri daripada 1,708 orang daripada kalangan Ahli-ahli MPMK, Pertubuhan WARGAMAS, penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi di keempat-empat daerah mengikut kategori dewasa lelaki, dewasa wanita, belia dan beliawanis (berumur 13 tahun hingga 20 tahun) yang terpilih dan mewakili mukim dan kampung.

Turut dilibat sama, penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sekolah-sekolah Arab dan Skim Tilawah Al-Quran remaja dan kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 12 tahun ke bawah yang mewakili sekolah-sekolah Arab, sekolah-sekolah ugama dan Skim Khatam Al-Quran di bawah umur 10 tahun serta penuntut-penuntut sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan termasuk institusi-institusi pengajian tinggi.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara daripada kalangan penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Ketua Pegawai Ugama Daerah, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, KHEU, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Turut hadir, Ahli-ahli MPMK serta pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait, pegawai-pegawai ugama, bilal-bilal dan ahli-ahli takmir masjid.

# KEISTIMEWAAN HARI ARAFAH



**Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 09 Zulhijjah 1446H / 06 Jun 2025M**

## Keistimewaan Hari Arafah

- Hari penuh rahmat dan keberkatan.
- Hari pengampunan dosa dan pembebasan dari balasan seksa api neraka.
- Disunatkan memperbanyakkan ibadah.

## Hari Doa Diterima Allah SWT

Sabda Nabi SAW:
"Sebaik-baik doa adalah doa pada Hari Arafah."

Doa yang dianjurkan:
لا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لا شَرِيكَ لَهُ،
لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ،
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

## Hikmah Wukuf di Arafah

1. Menghayati persaudaraan seagama.
2. Menyedari pentingnya perpaduan.
3. Menginsafi tentang kematian.
4. Mengingati perhimpunan di Padang Mahsyar.

## Fadhilat Puasa Hari Arafah

Sabda Nabi SAW (Riwayat Abu Qatadah RA):
صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ, وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ.

Maksudnya:
"Puasa Hari Arafah, aku memohon kepada Allah SWT agar menebus dosa-dosa setahun sebelumnya serta setahun selepasnya."
Ganjaran: Pengampunan dosa selama 2 tahun (Setahun sebelum & setahun selepas)

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam

# TINGKATKAN KESEDARAN TERHADAP KEPENTINGAN PENGGUNAAN AIR




TURUT hadir pada Program Penjimatan Air yang diadakan di Sekolah Rendah Dato Marsal, Lambak Kanan ialah Yang Berhormat Ahli-ahli MMN (atas dan kanan).



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Jabatan Perkhidmatan Air, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menganjurkan Program Penjimatan Air bertempat di Sekolah Rendah Dato Marsal (SRDM), Lambak Kanan, pagi tadi.

Ia adalah sebagai usaha meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap kepentingan penggunaan air secara berhemat.

Program tersebut dihadiri oleh 198 orang pelajar Tahun 3 hingga Tahun 5, bersama Guru Besar dan guru-guru sekolah berkenaan.

Turut hadir, Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Awang Haji Daud menyentuh tentang kepentingan nilai air bersih dan menekankan sikap bertanggungjawab dalam pengurusan sumber air bermula sejak di peringkat sekolah.

Katanya, program juga memberi peluang kepada pelajar untuk memahami secara lebih dekat peranan mereka dalam menyokong usaha pemeliharaan sumber air negara melalui amalan yang bertanggungjawab dan beretika.

"Hari ini, kita akan belajar cara-cara mudah untuk berjimat air seperti menutup paip semasa menggosok gigi, menggunakan baldi semasa membasuh, dan tidak bermain air dengan sia-sia. Perkara-perkara ini nampak kecil, tetapi jika diamalkan setiap hari, ia boleh memberi kesan besar," ujarnya.

Yang Berhormat menegaskan, apa yang dipelajari hari ini bukan sahaja berguna untuk diri sendiri, tetapi juga boleh dikongsikan bersama keluarga di rumah, ataupun dengan kawan-kawan yang lain kerana jika satu rumah mula berjimat, satu kampung pun akan berubah.

Jika semua kampung di seluruh negara melakukan perkara yang sama tambahnya lagi, kita dapat membantu Negara Brunei Darussalam untuk kekal mempunyai bekalan air yang mencukupi dan bersih untuk generasi akan datang.

Antara pengisian program termasuk pembentangan pendidikan oleh pegawai Jabatan Perkhidmatan Air dan aktiviti interaktif bersama pelajar.

## Menyokong keselamatan, keberkesanan pelaksanaan pengkomputeran awan

**Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) menganjurkan Persidangan ASEAN Mengenai Penerimaan Teknologi Awan bagi Sektor Awam di Dewan Mawaddah, Setia Point, Berakas.

Persidangan berkenaan menghimpunkan pihak berkepentingan serantau untuk menyediakan praktikal dan panduan komprehensif untuk mempercepatkan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan (*cloud computing*) di seluruh ASEAN agensi kerajaan.

Hadir selaku tetamu khas ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Awang Haji Hairul Mohd. Daud dalam ucapan alu-aluannya, menekankan kepentingan Negara Anggota ASEAN bekerjasama dengan pemain industri antarabangsa untuk menangani bersama secara berkesan cabaran yang dihadapi oleh agensi kerajaan dalam mengguna pakai infrastruktur pengkomputeran awan.

Cabaran ini katanya lagi, termasuk mengurus sekuriti data dalam persekitaran berbilang penyewa (*multi-tenant*), melindungi kedaulatan data untuk memastikan kawalan data kebangsaan dan menangani kerumitan teknikal pemindahan data daripada sistem legasi sedia ada.

Beliau seterusnya menekankan keperluan untuk merangka satu kerangka kerja padu yang akan menjadi panduan praktikal bagi Negara Anggota ASEAN.

Rangka kerja berkenaan tambahnya, bertujuan untuk menggariskan metodologi berstruktur, perkongsian amalan terbaik yang telah terbukti berkesan dan menawarkan cadangan dasar yang diselaraskan untuk menyokong keselamatan dan keberkesanan pelaksanaan teknologi awan dalam sektor awam.

Rangka kerja yang dicadangkan berkenaan dijangka dimuktamadkan dan dibentangkan pada '2nd ASEAN Digital Senior Officials' Meeting dan ASEAN Telecommunications Regulators' Council (ADGSOM - ATRC) Leaders' Retreat of 2025, yang dijadualkan, akan diadakan akhir tahun ini di Malaysia.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu khas pada Persidangan ASEAN Mengenai Penerimaan Teknologi Awan bagi Sektor Awam.



PERSIDANGAN berkenaan menghimpunkan pihak berkepentingan serantau untuk menyediakan praktikal dan panduan komprehensif untuk mempercepatkan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan (*cloud computing*) di seluruh ASEAN agensi kerajaan.



ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# دعاء مموهن كفد الله سفاي ترسلامة درفد بلاء دان سكل جنيس ڤپاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

**Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ
سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا
فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ
إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ
وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ
حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ الْعَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ
ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَٰهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَاْ عَبْدُكَ،
وَأَنَاْ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَا يَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر
## كڤد ڤڠعملن ( تولق بلاء )

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيْثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# MENGAMALKAN PENGGUNAAN AI SECARA BERTANGGUNGJAWAB, BERETIKA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Program AI Ready ASEAN.**

**BERAKAS**, Khamis, 5 Jun. - Program AI Ready ASEAN telah dilancarkan secara rasmi hari ini pada majlis yang berlangsung di Dewan Mawaddah, Setia Point yang menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan transformasi digital rantau ini.

Program AI Ready ASEAN merupakan usaha kolaboratif untuk merapatkan jurang digital dan memastikan komuniti di Asia Tenggara, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD), bersedia menghadapi masa hadapan yang didorong oleh teknologi Kecerdasan Buatan (AI).

Program yang dilaksanakan oleh ASEAN Foundation dengan sokongan Google.org berkenaan bertujuan untuk melibatkan dan memperkasa seramai 5.5 juta individu daripada kesemua 10 Negara Anggota ASEAN dengan kemahiran asas dalam bidang AI.

Inisiatif berkenaan direka bagi mempersiapkan warga ASEAN termasuk para belia, pendidik dan ibu bapa agar berjaya dalam era digital dengan mengamalkan penggunaan AI secara bertanggungjawab dan beretika.

Di NBD, ASEAN Foundation bekerjasama rapat dengan dua rakan pelaksana tempatan yang dilantik, iaitu Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Big BWN Project, dengan matlamat untuk melibatkan dan memperkasa seramai 20,000 individu di negara ini.

Pelancaran Program AI Ready ASEAN disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir ialah Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Ketua Eksekutif, AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar; Pengurus Projek bagi AI Ready ASEAN di ASEAN Foundation Diera Gala Paksi dan Pengarah Big BWN Project, Dayang Noor Hafizah Rashid.

Dr. Haji Azman dalam ucapan alu-aluannya berkata, program berkenaan bukan sekadar satu inisiatif tetapi keperluan strategik.

"Ketika ASEAN melangkah ke hadapan dalam agenda pendigitalannya, kita perlu memastikan bahawa rakyat kita terutamanya para belia, pendidik, dan ibu bapa bukan sekadar pengguna teknologi secara pasif, tetapi menjadi peserta aktif dalam membentuknya.

"Ini bermakna membina keyakinan digital, memupuk kesedaran etika serta membangunkan kemahiran dan pemikiran yang betul bagi menghadapi dunia yang dikuasai oleh AI secara bertanggungjawab," ujarnya.

Beliau seterusnya menambah, NBD turut komited terhadap matlamat tersebut melalui rancangan pembangunan NBD, iaitu Wawasan Brunei 2035 dan transformasi digital merupakan salah satu pendorong utama ke arah wawasan berkenaan.

Jelasnya lagi, Kementerian Pendidikan melalui rangka kerja pengajian tinggi dan pendidikan teknikal terus menyokong pendidikan yang bersedia bagi masa hadapan selaras dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 dan seterusnya.

Beliau turut menegaskan bahawa selain kemahiran teknikal, nilai-nilai murni memainkan peranan penting dalam pembangunan AI.

Justeru, beliau menyeru agar teknologi dibina bagi memperkasa dan membina, bukan memecah belah atau menggantikan.

Beliau juga menggariskan keperluan menerapkan etika, keterangkuman dan tanggungjawab dalam setiap inisiatif AI, selain memuji program AI Ready ASEAN kerana telah meletakkan prinsip-prinsip berkenaan sebagai teras.

Sementara itu, Pengurus Projek AI Ready ASEAN di ASEAN Foundation, Diera Gala Paksi pula berkata, satu laporan pada 2024 menunjukkan Asia Tenggara telah menarik pelaburan AI sebanyak AS$30 bilion yang berpotensi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN sebanyak 10 hingga 18 peratus menjelang 2030, seterusnya menekankan keperluan untuk latihan literasi AI.

Sorotan utama program berkenaan termasuk skop kebangsaan yang menyasarkan seramai 20,000 individu di NBD dengan pendekatan inklusif yang memberi tumpuan secara spesifik kepada para belia, pendidik dan ibu bapa.

Berasaskan prinsip etika, program berkenaan menekankan penggunaan AI yang bertanggungjawab dan beretika, serta menyediakan peluang pembelajaran secara praktikal termasuk aktiviti bengkel 'Hour of Code' melalui platform Code.org.

Majlis pelancaran turut menyaksikan pertukaran perjanjian geran pembiayaan antara ASEAN Foundation dan rakan pelaksana tempatan, disusuli dengan bengkel interaktif 'Hour of Code' untuk para peserta.

Bengkel berkenaan merupakan salah satu aktiviti utama di bawah kempen kesedaran program berkenaan mengenai AI.

Melalui latihan menyeluruh, kempen kesedaran dan bengkel praktikal, inisiatif berkenaan akan membantu membina masyarakat yang celik digital dan bersedia untuk dunia berasaskan AI di seluruh rantau ini.

# 29 pelajar menerima penganugerahan biasiswa




Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Penganugerahan dan Majlis Penutup Program Jati Diri 'Itqan' bertempat di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) (atas dan kiri), manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.**



**TUNGKU LINK**, Khamis, 5 Jun. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Penganugerahan dan Majlis Penutup Program Jati Diri 'Itqan' bertempat di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim.

Majlis kemudiannya diikuti dengan penganugerahan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri dan penyampaian sijil penyertaan Program Jati Diri 'Itqan' oleh tetamu kehormat.

Program selama empat hari itu disertai oleh 29 pelajar yang telah berjaya menerima Skim Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Twinning Programme, UBD. Para pelajar ini akan melanjutkan pengajian dalam bidang Perubatan dan Pergigian di luar negeri bagi Sesi Akademik 2025 / 2026.

Antara objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk membarigakan aturan dan peraturan biasiswa; berkongsi maklumat mengenai Dasar Biasiswa; Ikatjanji serta penghayatan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan meningkatkan motivasi diri, membina sahsiah dan keperibadian serta sikap bertanggungjawab dalam kalangan pelajar semasa berada di luar negara.

Program ini merangkumi pelbagai taklimat, aktiviti serta sesi perkongsian ilmu dan maklumat terkini sebagai persediaan pelajar sebelum memulakan pengajian mereka di luar negara.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UBD, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan penyelaras program serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

# Keistimewaan Hari Arafah




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Hari Arafah merupakan hari dikurniakan rahmat dan keberkatan serta diperkenankan segala doa. Oleh itu, kita disunatkan untuk memperbanyakkan zikir seperti tahmid, tasbih, tahlil, membaca Al-Quran, beristighfar serta berdoa dengan penuh rasa pengabdian dan keinsafan. Daripada Amru bin Syuaib Radiallahuanhu, daripada bapanya, daripada datuknya, bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Sebaik-baik doa adalah doa pada Hari Arafah. Dan sebaik-baik perkataan yang diucapkan olehku dan para nabi sebelumku adalah (tiada Tuhan melainkan Allah, Dia Esa dan tiada sekutu bagi-Nya, Dia memiliki kerajaan dan segala puji adalah untuk-Nya dan Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu)*". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Hari Arafah jatuh pada tanggal 9 Zulhijah setiap tahun dan ia termasuk antara hari yang paling utama dan istimewa. Hari Arafah merupakan hari pengampunan dosa dan pembebasan daripada balasan seksa api neraka. Begitulah yang dinyatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagaimana yang diceritakan oleh isteri Baginda Sayidatina Aisyah Radiallahuanha dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim yang bermaksud : "*Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak ada hari Allah membebaskan hamba-Nya daripada api neraka seperti Hari Arafah. Sesungguhnya, Dia mendekat kemudian Dia banggakan mereka di hadapan para malaikat-Nya sambil berkata : Apa yang diinginkan oleh mereka?*"

Maka perbanyakanlah berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala terutamanya dalam memohon keampunan daripada-Nya dan memohon keselamatan daripada seksa kubur serta diselamatkan daripada azab seksa api neraka.

Seperkara lagi yang sangat dianjurkan untuk kita lakukan ialah berpuasa pada Hari Arafah. Maka beruntunglah bagi mereka yang telah melaksanakan puasa sunat Arafah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda ada menyebutkan mengenai fadilat puasa sunat Arafah. Abu Qatadah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

**Maksudnya :** "*Puasa Hari Arafah, aku memohon kepada Allah agar menebus dosa-dosa setahun sebelumnya serta setahun selepasnya*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Hadis ini bermaksud bahawa mengerjakan puasa sunat Arafah itu diberikan ganjaran pengampunan dosa-dosa setahun sebelum Hari Arafah yang lalu serta setahun selepas Hari Arafah yang akan datang.

Hari Arafah adalah hari perkumpulan umat Islam yang terbesar daripada seluruh dunia. Umat Islam wukuf di Arafah sambil mengucapkan *talbiah*, memohon doa dan kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala sambil mengharap rahmat-Nya dan mohon dijauhkan daripada azab-Nya. Sesungguhnya wukuf di Padang Arafah mengandungi pelbagai hikmah, antaranya :

**Pertama :** Menghayati persaudaraan seagama

Kedatangan para jemaah ke Padang Arafah dengan pakaian ihram serba putih, bukan saja melambangkan kebersihan jiwa tetapi menunjukkan persaudaraan sejati umat Islam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 10 :

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya orang-orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat*".

**Kedua :** Menyedari pentingnya perpaduan

Perhimpunan di Padang Arafah merupakan perhimpunan tahunan terbesar umat manusia di muka bumi ini. Mereka berjumpa, berkenalan dan dapat berbicang. Mereka semakin meyakini betapa agungnya kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala yang menjadikan makhluk bernama manusia di seluruh penjuru bumi, yang berbeza warna kulit, budaya dan bahasa pertuturan. Mereka semua berpakaian warna yang sama iaitu berwarna putih, mereka hormat-menghormati, tanpa mengenal darjat dan kedudukan, tanpa mengenal kaya atau miskin, semuanya menyembah Allah Subhanahu Wata'ala yang Esa. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13 :

**Tafsirnya :** "*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha teliti*".

**Ketiga :** Menginsafi tentang kematian

Memakai pakaian ihram serba putih seolah-olah mengingatkan kita kepada kain kapan yang akan membaluti tubuh ketika nyawa dipisahkan daripada jasad. Walaupun kita memiliki pakaian yang mahal dan berjenama, akan tetapi kain putih juga yang akan membaluti tubuh kita sebagai kain kapan.

**Keempat :** Mengingati perhimpunan di Padang Mahsyar

Perhimpunan pada Hari Arafah mengingatkan kita kepada perhimpunan besar apabila berlaku hari kiamat. Padang Arafah yang terbuka luas dan terdedah kepada kepanasan cahaya matahari, menggambarkan seolah-olah kita berada di Padang Mahsyar pada hari kiamat nanti. Di sana tiada khemah, tiada tempat berlindung dan tiada penyaman udara. Setiap individu hanya bergantung pada amal solehnya semasa hidup di dunia. Ketika itu mereka hanya mengharapkan rahmat dan pengampunan Ilahi dan syafaat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar amalannya diterima, dosanya diampunkan, terlepas daripada azab seksa api neraka dan dimasukkan ke syurga.

Sebagaimana kita lihat menerusi siaran media elektronik akan keadaan jemaah-jemaah haji daripada seluruh pelosok dunia yang wukuf di Arafah, dengan keadaan mereka ada yang tidak terurus, ada yang rambut kusut masai, pakaian kumal, makan minum tidak menentu, perkumpulan penuh sesak di sana sini, ada yang wukuf di bawah terik matahari, keadaan dan suasana ini tidak lain hanyalah kerana tiada lagi perasaan ingatkan dunia dengan segala kesenangan dan kemewahan, akan tetapi yang dicari-cari dan diutamakan ialah untuk sempat berada di Arafah walaupun sekejap bagi mengecapi kenikmatan iman yang sepenuhnya dan bagi merasakan kelazatan takwa sebenar. Itulah keistimewaan Hari Arafah. Ia bukan sekadar berada secara fizikal tetapi lebih daripada itu. Ia adalah berhenti sejenak daripada dunia untuk menilai semula hidup dan menyerahkan seluruh jiwa raga kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh yang demikian, marilah kita memanfaatkan kesempatan pada Hari Arafah ini untuk memperbanyakkan berdoa pada hari ini. Kita tanamkan dalam diri kita semangat 'Arafah' setiap hari dengan sentiasa membersihkan hati, menyesali dosa, mempereratkan persaudaraan, melakukan amal kebaikan dan menanam azam takwa yang sebenar.

Kepada saudara-mara kita jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang berada di Tanah Suci, mereka adalah sebahagian daripada jutaan saudara-saudara kita sedunia yang menunaikan ibadah haji pada tahun ini. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang beruntung diperkenankan dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala menjadi tetamu-Nya di Tanah Suci. Sama-samalah kita berdoa semoga jemaah haji khasnya jemaah haji Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam perlindungan, pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, kembali ke tanah air dengan selamat dan mendapat haji yang mabrur iaitu haji yang diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Maka apabila kamu telah selesai mengerjakan ibadah haji hendaklah kamu berzikir mengingati Allah sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut bapa-bapa (dan datuk nenek) kamu bahkan berzikirlah lebih daripada itu. Dalam pada itu ada antara manusia yang (berdoa hanya dengan) berkata : "Ya Tuhan kami! Berilah kami (kebaikan) di dunia". (Orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedemikian pun kebaikan di akhirat. Dan antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata : "Ya Tuhan kami! Kurniakanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami daripada azab neraka". Mereka (orang-orang yang berdoa untuk mendapatkan kebaikan dunia dan akhirat) itulah yang akan mendapat bahagian (yang baik) daripada apa yang mereka telah usahakan. Dan Allah itu sangat cepat perhitungan-Nya*". (Surah Al-Baqarah, ayat 200 - 202)

# Mempromosi kemampanan fiskal, memperkukuh kerjasama sektor awam, swasta

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**ANTARA yang hadir pada Sesi Pembarigaan berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) mengadakan Sesi Pembarigaan mengenai Program Fiscal Consolidation (FCP) dan Garis Pandu Public Private Partnership (PPP) kepada pegawai-pegawai daripada kementerian dan jabatan kerajaan bertempat di Dewan Teater, Bangunan MOFE.

Pembarigaan berkenaan dianjurkan oleh Bahagian Belanjawan dan Bahagian Penyelidikan dan Pengurusan Strategik, MOFE sebagai usaha berterusan kerajaan dalam mempromosi kemampanan fiskal serta memperkukuh kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta dalam pembangunan negara melalui PPP.

Objektif sesi pembarigaan berkenaan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai kerajaan, khususnya yang terlibat dalam pengkajian semula dasar yang sedia ada, pelaksanaan pembaharuan struktur dan penerokaan kaedah baharu dalam penyampaian Perkhidmatan Awam di kementerian dan jabatan masing-masing.

Sesi berkenaan juga bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman mengenai garis panduan FCP dalam menyokong usaha ke arah disiplin fiskal dan tadbir urus yang inovatif.

# CF31 AKAN TAMPIL PELBAGAI PRODUK MENARIK




Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**D'SUNLIT Sendirian Berhad semasa menganjurkan Majlis Menandatangani Rakan Kerjasama bagi Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) bagi Edisi Ke-31.**

**BERIBI**, Khamis, 5 Jun. - D'Sunlit Sendirian Berhad menganjurkan Majlis Menandatangani Rakan Kerjasama bagi Pesta Pengguna (Consumer Fair - CF) bagi Edisi Ke-31 yang akan berlangsung pada 25 hingga 29 Jun 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna D'Sunlit ialah tetamu jemputan, rakan kerjasama serta wakil media. Menandatangani bagi pihak D'Sunlit ialah Ketua Komunikasi Korporat, Chui San Ting dan disaksikan oleh Pengurus Operasi, Ngu Tiing Siang.

Rakan-rakan kerjasama terdiri daripada pelbagai organisasi ternama termasuk Suruhanjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh, Kedutaan Republik Indonesia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Kedutaan Diraja Thailand, Brunei Press Sdn. Bhd., Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), NBT (Brunei) Sdn. Bhd., Imagine Sdn. Bhd., IBIC Sdn. Bhd., Aewon Garment & Embroidery, Kristal Media, Oregon Systems Brunei, MixMedia, Cuckoo International (B) Sdn. Bhd., Shaliz Waste Recycling Sdn. Bhd., RanoAdidas dan RSW Services Sdn. Bhd. menunjukkan sokongan yang pelbagai terhadap acara penting ini.

CF31 bertemakan 'Ascend : Elevating Businesses, Enriching Experiences' akan dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula pada pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari, manakala ditutup sementara pada Jumaat dari pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang.

Meneruskan legasi kejayaannya, CF31 terus mencapai tahap yang lebih tinggi dengan mengutamakan pertumbuhan, inovasi dan kerjasama merentas sempadan. Dengan kehadiran antarabangsa yang semakin meluas dan penyertaan yang lebih pelbagai, edisi kali ini menjanjikan pengalaman yang lebih bermakna dan berkualiti kepada semua pengunjung.

Peningkatan bilangan pempamer dan delegasi antarabangsa juga mencerminkan peranan CFTE yang semakin berkembang dalam merangsang aktiviti perniagaan di luar dewan pameran, sekali gus menyumbang kepada pelancongan masuk serta membuka peluang yang lebih luas kepada industri dan perkhidmatan tempatan.

Tumpuan utama acara tahun ini termasuklah The CF Conference (CONFAC) Kali Ke-2 dan Program Business Matchmaking, yang direka untuk menggalakkan hubungan bermakna antara pemimpin industri, usahawan dan pelabur.

Persidangan ini akan menampilkan barisan penceramah yang menarik, termasuk Khairy Jamaluddin merupakan bekas Menteri Kesihatan Malaysia dan suara berpengaruh dalam inovasi serta dasar awam iaitu Ar. Teo Ah Khing, seorang arkitek terkenal dan pemaju utama di sebalik 'Kenyalang Smart City' serta Randi Julian Miranda, seorang pendukung *startup* yang terkenal dan penerima Anugerah Forbes 30 Under 30 (2022).

Lebih banyak penceramah ternama akan diumumkan dalam minggu-minggu akan datang. Tiket persidangan kini boleh dibeli di laman sesawang rasmi Consumer Fair & Trade Expo.

Program Business Matchmaking, yang disokong oleh platform Jublia, menawarkan pengalaman jaringan yang teratur dan berkesan, disesuaikan untuk menghubungkan pembeli dengan lebih 80 pempamer antarabangsa dan 250 pempamer tempatan.

Program eksklusif ini menyediakan pelbagai aktiviti terpilih yang direka untuk memudahkan hubungan dan kerjasama perniagaan yang bermakna, termasuk memudahkan perjanjian MoU, lawatan berpandu, 'lounge' perdagangan dan perniagaan, akses ke CONFAC Ke-2 dan kawasan Business Matchmaking.

Selain itu, ekspo ini akan menampilkan lebih 350 pempamer, termasuk penyertaan dari Bangladesh, China, India, Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, dan Viet Nam, menawarkan pasaran yang meriah dan pelbagai.

Zon Antarabangsa di Dewan Musyawarah akan mempamerkan pelbagai tawaran budaya dan pengguna. Dalam masa yang sama, Pengusaha, Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan akan diketengahkan dengan ketara di Zon Antarabangsa dan Dewan Delima, menekankan komitmen ekspo ini dalam memupuk bakat dan perusahaan tempatan.

Salah satu tarikan utama acara ini ialah Cabutan Bertuah, yang terbuka kepada semua pengunjung. Untuk menyertai, pembeli hanya perlu membuat pembelian di mana-mana gerai dan menerima slip cabutan bertuah untuk memasuki cabutan.

Hadiah utama tahun ini ialah sebuah kereta jenama Toyota Rush, disumbangkan oleh NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi D'Sunlit Sdn. Bhd. menerusi talian +673 2453666 atau layari media sosial *@consumerfair.bn* di Instagram atau di Facebook *Brunei Consumer Fair* atau di laman sasawang *www.bruneiconsumerfair.com.*




## Lelaki tempatan dihukum penjara, sebat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Seorang lelaki tempatan dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan enam bulan serta satu kali sebatan oleh Mahkamah Majistret di sini selepas mengaku bersalah memukul bekas isterinya pada Mei 2025.

Defendan berumur 29 tahun, bertugas sebagai anggota beruniform membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid.

Berdasarkan pertuduhan, defendan dengan sengaja telah menyebabkan kecederaan ke atas bekas isterinya dengan menyerang mangsa dengan menarik rambut dan duduk di atas perutnya serta menampar mukanya. Perbuatan defendan dilakukan di rumah bekas isterinya di Kampung Jangsak.

Pada 16 Mei 2025, defendan pergi ke rumah bekas isterinya untuk menuntut hutang. Bekas isteri tidak menyedari kedatangan defendan. Defendan kemudiannya terus masuk ke dalam rumah melalui tingkap yang tidak berkunci berhampiran pintu utama dan membawa bersama sebatang pengungkit tayar.

Bekas isterinya pada masa itu sedang berbaring di atas katil di dalam bilik tidur. Defendan kemudian menghampirinya dan mula menyerangnya dengan menarik rambutnya. Semasa mangsa masih berbaring di atas katil, defendan meneruskan serangan dengan duduk di atas perut dan menampar sebelah kiri mukanya dengan tangan kanannya.

Walaupun defendan melihat mangsa mengalami kesakitan namun defendan tidak mengendahkannya dan terus memijak perut mangsa sebanyak dua kali dan bertanya kepada mangsa ke mana dia pergi malam sebelumnya dan mengapa dia tidak membalas mesej teksnya.

Memandangkan jawapan mangsa tidak memuaskan hati defendan, dia menyerangnya sekali lagi dengan mencekik dan memukul tangan kirinya dengan menggunakan pengungkit tayar.

Defendan hanya menghentikan serangan apabila kedua-duanya mendengar jiran mangsa memanggil namanya dari luar rumah. Mangsa kemudian keluar untuk berjumpa dengan jiran tersebut dan tidak lama selepas itu, defendan terus keluar dari rumah tersebut.

Mangsa membuat laporan polis pada hari berikutnya. Semasa siasatan, pemeriksaan perubatan telah dijalankan ke atas mangsa. Susulan kejadian itu, mangsa mendapatkan rawatan di hospital dan laporan mendapati bahawa mangsa telah mengalami kecederaan.

Dalam rekod, defendan tidak mempunyai sabitan terdahulu.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Hanan bin Haji Erwan manakala defendan tidak diwakili peguam.




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama'.** Tarikh Tutup : **11 Jun 2025**
2. **'Peranan Usahawan Muda dalam Meningkatkan Ekonomi Negara'.** Tarikh Tutup : **18 Jun 2025**
3. **'Bagaimana AI Mengubah Landskap Pekerjaan Masa Depan'.** Tarikh Tutup : **18 Jun 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2025-2026 / 2

**Tajuk Tawaran:**
Consultancy Services: Development And Implementation Of Hotel Star Ratings Standard For Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 1 Julai 2025
Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2025-2026 / 03

JKP/LTK/2025-2026/03: "Conducting and Managing Tourism Surveys for International Tourists and Returning Bruneian at Key Entry and Exit Points, including Brunei International Airport, Sungai Tujuh Control Post, Labu Control Post, Serasa Control Post, and Muara Cruise Ship Centre".

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 17 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bil. Tawaran:**
JPE / LTK / PSP / 085 / 2024

**Tajuk Kerja:**
Pengukuhan Sistem Rangkaian 11kv Di Kawasan Kampung Tanah Jambu.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
24 Jun 2025 Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND500.00

**Tempat Tutup:**
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Mempunyai pendaftaran syarikat dengan Kementerian Pembangunan Dalam KELAS IV, V ATAU VI SAHAJA, dalam Kategori E03 dan mempunyai pekerja yang berdaftar dengan JPE dalam kategori E03.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Tawaran, Tingkat Empat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga.

**JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV & V sahaja

**Kategori:**
KA01 & KPB04 sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 020 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal - Kerja-Kerja Pembaikan dan Pemeliharaan Paip-Paip Pembahagian dan Penghubung Bagi Kawasan Mukim Berakas 'A' Dan 'B' bagi 36 Bulan (Zon D2)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
3 Jun 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
10 Jun 2025 (Selasa)

**Tidak Lewat Dari Jam:**
2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
05 / 2025 / KKBS / PPB / 01

**Tajuk Sebut Harga:**
Kontrak Penggal 24 Bulan Bagi Pembekalan Pakaian Sukan dan Seluar Sukan Pelatih-Pelatih Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 12 Jun 2025.

**Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Sebut Harga:**
05 / 2025 / KKBS / PPB / 02

**Tajuk Sebut Harga:**
Terms Contract 24 Months To Supply, Delivery And Commissioning Of Materials For Welding And Fabrication Course At Youth Development Centre, Ministry Of Culture, Youth And Sports.

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 12 Jun 2025.

**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Iklan Tarikh Tutup Lanjutan**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
(RQ/05-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Sebut Harga:**
Pembekalan Makanan Berbungkus (Packed Meal) Bagi Pelatih-Pelatih Pusat Bahagia Eric Goh Kuala Belait Untuk Tempoh 12 Bulan (Pengiklanan Semula)

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
12 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Rujukan Iklan:**
CCTVUPER / 2025 / JAPEM / RB / 2

**Tajuk Iklan:**
The Proposal, Installation, Configuration, Commissioning, Testing, Training And Maintenance Of CCTV Surveillance System At Rumah Perlindungan Kompleks Rumah Kebajikan Subok Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 24 Jun 2025.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2024 / GSU / TA / 001
Purchase Of Og Dacron Green, White Pocket, White For Medical And Mess Kit Raw Material For Gurkha Security Unit

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 17 Jun 2025.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
2.00 Petang, Selasa, 24 Jun 2025.

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K /31 / 25-26
Supply And Delivery Alkaline Battery Procurement For Three (3) Years Contract Term To Radio Televisyen Brunei

**2. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K /32/ 25 - 26
Supply And Delivery A4 Papers Or Three (3) Years Contract Term To Radio Televisyen Brunei

**Bayaran Yuran:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas:**
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)
(*Hardcopy*)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 11 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga:**
APM.2024-2025 / SH-03(R3)

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply, Fabricate And Install Heavy Duty Carpet At Immigration Arrival Hall And Sterile Corridor, Brunei International Airport

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 11 Jun 2025.
Jam 2.30 Petang.

**Yuran Sebut Harga:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

**Dokumen Sebut Harga Boleh Diperoleh Dari:**
Seksyen Kewangan,
Aras Bawah, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam

**Pada hari-hari bekerja berikut:**
Isnin - Khamis:
8.30 Pagi – 11.00 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang
Sabtu:
8.30 Pagi – 10.30 Pagi

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di Dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No.**
BCY / CP / 7 / 2025

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Dyg Sapiah Binti Haji Timbang**
BYIC NO. 00-074607
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Mei 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Dyg Sapiah Binti Haji Timbang
No. 45,
Simpang 50, Jalan Parak,
RPN Panaga, Seria KB 4533
Kuala Belait.
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**
13 Mac 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
17 Mei 2025

**Kes No.**
BCY / CP / 478 / 2010

**BIBD AT-Tamwil Berhad**
Pemiutang / Pemetisyen

**Ak. Jalani Bin Pg. Haji Omar**
BYIC NO. 00-276790
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Mei 2025**.

**Nama dan alamat**:
Ak. Jalani Bin Pg. Haji Omar,
No. 3, Simpang 162-48,
Kampung Perpindahan
Tungku Gadong, BE 2519
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**
25 Oktober 2024

Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
17 Mei 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 92 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
Pemiutang / Pemetisyen

**Mohammad Hisham Bin Awg Mustamam**
BYIC NO. 00-320428
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Mei 2025.**

**Nama dan alamat Bankrap:**
Mohammad Hisham
Bin Awg Mustamam
No.15, Simpang
791-29-13-11-6,
Perpindahan Tanah Jambu
BU 1129
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**
8 Februari 2025.

Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:** 19 Mei 2025

**Nuuror-Raheebah Binti Haji Abd Wahab**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**Kes No.**
**BCY / CP / 218 / 2019**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
Pemiutang / Pemetisyen

**Mohammad Syazwan Bin Haji Shuffri**
BYIC NO. 00-312373
Penghutang / Penentang

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Mei 2025**.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Mohammad Syazwan
Bin Haji Shuffri
No. 10, Simpang 730,
Kampung Lugu
Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Permohonan:**
31 Januari 2025

Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Buki Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh:**
17 Mei 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 252 / 2014**

**Freme Travel Services Sdn Bhd**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Azahari Bin Gani**
BPIC NO. 30-107253
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 5 Februari 2015 telah dibatalkan pada 8 Mei 2025.

**Nama Penghutang:**
Azahari Bin Gani

**Alamat Penghutang:**
No. 310,
Jalan Paduka Tuan,
Kuala Belait
KA 3131
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
17 Mei 2025

**Kes No.**
**BCY / CP / 394 / 2019**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**Rismawati Binti Ismail**
BYIC NO. 00-275871
Penghutang Penghakiman / Penentang

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Mei 2025**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
Rismawati Binti Ismail
No. 42, Simpang 37,
Jalan Teripas, RPN Panaga
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Petisyen:**
20 November 2019

Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

**Bertarikh:**
19 Mei 2025

**Muhammad Syafiq Bin Awang Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan**

**MOE / LTK / 06 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 07 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 08 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Pusat Tingkatan Enam Meragang, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 09 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Pusat Tingkatan Enam Tutong, Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 10 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 11 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sultan Hassan, Bangar, Daerah Temburong, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 12 / 2025 / 2026 (AKS-MEI-2025)**
Tawaran Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab, Kementerian Pendidikan Bagi Blok 2J Dan 2 I, Bangunan Ong Sum Ping, Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Perkhidmatan Dua [2] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
10 Jun 2025.
Selasa,
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang.

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**EOI NO: JDBM / EOI / 01 / 2025**

Expression Of Interest (EOI) For Proposed Development Of Kampong Ayer Footbridge Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Jun 2025.

## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Pembekalan Buku-Buku Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**
05 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 24 Jun 2025.

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Pembekalan Dakwat Bagi Alat Cetak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**
04 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

## JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas: II & III**

**Kategori:**
K01, B01, E01, E02 & E05

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
26 Mei 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
9 Jun 2025 (Isnin)

**Tarikh Tutup Pada :**
9 Jun 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi

(Ditutup di Tingkat 1, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Bangunan Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan BA1910, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / QTN029 / 2025**
Pembekalan dan Pemasangan Lampu Spot Solar Di Pusat Pengumpulan Sisa, Daerah Brunei Muara

**No. Projek:**
JASTRE / QTN29 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

## JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
1 / BBS / 1 / TWTLTTTGCT&BC / 2025 - 2026

**Keterangan Projek:**
To Transport Water Tanker, Light Truck, Tractor, Gully Cleaner Truck And Four (04) Unit Big Compressor AHU- Air Handling From Kuala Belait To JKR Sinarubai, Bandar Seri Begawan

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (*Non – Refundable*)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 10 Jun 2025.

**Bilangan Tawaran:**
06 / BBS / SH / 2025 - 2026

**Keterangan Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Bangunan Pasar Lama, Jalan McKerron, Kuala Belait.

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Kategori:**
B01 : Kerja – Kerja Bangunan / Building Works
KPB11A : Pembaikan Kerosakan Struktur Bangunan / Structural Repair

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
17 Jun 2025.

## IBTE
## INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pemohon-pemohon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat-syarat kelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

**Jawatan:**
Pengajar Teknik Institut Pendidikan Teknikal Brunei

**Bahagian:**
III

**Tangga Gaji:**
G.3 (BND1,310 - BND2,715 sebulan)
G.8 (BND1,600 - BND3,260 sebulan)

**Kekosongan Jawatan:**
Dua belas (12)

**Tatacara Permohonan:**

1. Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan borang "IBTE Recruitment Application Form" melalui pautan: *https://forms.office.com/r/bddjk4jK37*

2. Bagi pemohon-pemohon yang bukan terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, adalah dikehendaki untuk:

a) Menghadapkan dokumen-dokumen yang diperlukan ke alamat e-mel *recruitment@ibte.edu.bn* dan sertakan nombor Kad Pengenalan dan Kod Rujukan Iklan (contoh : 00-123456, 20250528/TP/III/TI) sebagai subjek e-mel tersebut.

b) Pemohon-pemohon hendaklah menghadapkan melalui e-mel dokumen-dokumen seperti berikut:
• Resume / CV terkini
• Salinan kelayakan akademik dan profesional
• Salinan Kad Pengenalan
• Sebarang dokumen sokongan yang relevan (contoh : surat MKPK, surat dan sijil-sijil yang berkaitan)

3. Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, adalah dikehendaki untuk:

a) Melengkapkan borang permohonan secara *online* dan juga menghadapkan dokumen-dokumen yang berkaitan secara *hardcopy* ke Bahagian Sumber Manusia, Ibu Pejabat Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

b) E-mel dokumen-dokumen berkenaan ke alamat e-mel *recruitment@ibte.edu.bn* dan sertakan nombor Kad Pengenalan dan Kod Rujukan Iklan (contoh: 00-123456, 20250528/TP/III/TI) sebagai subjek e-mel tersebut berserta dokumen-dokumen berkaitan.

c) Pemohon-pemohon hendaklah menghadapkan secara *hardcopy* dan melalui e-mel dokumen-dokumen seperti berikut:
• Borang "IBTE Recruitment Application Form"
• Borang pengesahan Ketua Jabatan
• Penilaian prestasi tiga (03) tahun kebelakangan
• Laporan sulit
• Rekod perkhidmatan yang lengkap dan terkini
• Resume / CV terkini
• Salinan kelayakan akademik dan profesional
• Salinan Kad Pengenalan
• Sebarang dokumen sokongan yang relevan (contoh : surat MKPK, surat dan sijil-sijil yang berkaitan)

Sila ambil perhatian :
Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Pastikan Awang / Dayang menyediakan dokumen yang lengkap sebelum menghantar permohonan.

Jika ada sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Bahagian Sumber Manusia IBTE melalui alamat e-mel *recruitment@ibte.edu.bn*, dengan menyertakan nombor Kad Pengenalan dan Kod Rujukan Iklan sebagai subjek e-mel (contoh : 00-123456, 20250528/TP/III/TI).

**Tarikh Buka Permohonan:**
Rabu, 28 Mei 2025.

**Tarikh Tutup Permohonan:**
Rabu,
11 Jun 2025.

**Kod Rujukan Iklan:**
20250528/TP/III/TI

## BDMD
## JABATAN KAJICUACA
## KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

**Bilangan Sebut Harga:**
JKBD / 2025 / SH-06

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan / Pembekalan:**
Two (2) Years Term Contract For Rodent, Pest And Snake Control At The Headquarter, The Meteorological Station, The Swiper Building And The Doppler Weather Radar Building Of The Brunei Darussalam Meteorological Department

**Hari / Tarikh / Waktu Tutup:**
Rabu, 18 Jun 2025.
Sebelum Jam 9.00 Pagi

**Kepada;**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam

## JABATAN BELIA DAN SUKAN
## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**
JBS / ADM / TDR / 08 / 2025

**Keterangan:**
Kontrak Bagi Perkhidmatan Penyediaan, Pembekalan Dan Penghantaran Makan / Minum Berkonsepkan Individually Packed Meals And Drinks Bagi 50 Orang Atlet Di Bawah Program Elit Kecemerlangan (Pek) Kendalian Jabatan Belia dan Sukan

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Jun 2025.

**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**T / 001 / RBPF-HQ / 2025 – INSURANS**

Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok Bagi Pegawai dan Anggota Pangkat Rendah Serta Pegawai dan Kakitangan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei Bagi Tempoh (3) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
10 Jun 2025.

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

**Jawatan:**
Penolong Pegawai Perpustakaan Tingkat II

**Tangga Gaji:**
C.1-2 EB.3
(BND1,280 - BND2,270)

**Kekosongan:**
2 Orang

**Menghadapkan Borang Permohonan**

**Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
*https://tinyurl.com/PPPTIIUBD2025*

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 19 Jun 2025.

**Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
*https://tinyurl.com/PPPTIIUBD2025*

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 19 Jun 2025.

Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut :

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

**Kepada:**
**Pejabat Sumber Tenaga Manusia**
**Universiti Brunei Darussalam**
**Jalan Tungku Link,**
**Gadong BE1410**
**Negara Brunei Darussalam**
**[U.P: Bahagian Pengambilan]**

Permohonan yang tidak lengkap, mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi bagi urusan temuduga.

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**1. Tajuk Tawaran:**
Tawaran bagi 'Residency Automobile Display' Lot A

**No. Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 25 / BPKB / 02

**2. Tajuk Tawaran:**
Tawaran bagi 'Residency Automobile Display' Lot B

**No. Bilangan Tawaran:**
JBBSB / SH / 2025-2026 / 30 / BPKB / 05

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
19 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE**

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 030 / TK25-26
[AB-ATC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Basah Bagi:

**IBTE Kampus Agro-Teknologi,**
Jalan Wasan, Kg Wasan,
Mukim Pengkalan Batu
BH2323
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Kod Blok: IBTE/AB/ATC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 031 / TK25-26
[AB-JBC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Basah Bagi:

**IBTE Kampus Jefri Bolkiah,**
Jalan Setia Negara,
Kuala Belait KA1931
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AB/JBC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND100.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 032 / TK25-26
[AB-NRC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Basah Bagi:

**IBTE Kampus Nakhoda Ragam,**
KM 13, Jalan Lebuh Raya Muara – Tutong,
Lambak Kanan BC2515
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AB/NRC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND100.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 033 / TK25-26
[AK-ATC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Kering Bagi:

**IBTE Kampus Agro-Teknologi,**
Jalan Wasan, Kg. Wasan,
Mukim Pengkalan Batu BH2323
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AK/ATC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE/LTK/034/TK25-26
[AK-JBC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Kering Bagi:

**IBTE Kampus Jefri Bolkiah,**
Jalan Setia Negara,
Kuala Belait KA1931
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AK/JBC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 035 / TK25-26
[AK-NRC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Kering Bagi:

**IBTE Kampus Nakhoda Ragam,**
KM 13, Jalan Lebuh Raya Muara - Tutong
Lambak Kanan BC2515
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AK/NRC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
17 Jun 2025 (Tidak lewat Jam 2.00 Petang)

**Tempat Mengambil Borang:**
Unit Perolehan, Tawaran dan Sebut harga,
Aras Bawah,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

**Tempat Pembayaran:**
Kaunter Pembayaran:
Unit Hasil, Tingkat 2,
Bahagian Kewangan,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

**Waktu-Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran**
Isnin - Khamis
Sesi Pagi:
8.30 Pagi – 11.30 Pagi
Sesi Petang:
2.00 Petang – 3.00 Petang



# BSN, ICUBE UBD ANJUR BENGKEL PERALIHAN TENAGA BORNEO





SEKITAR Bengkel Penyelidik Muda bertajuk '2030 and beyond : Energy Transition and Sustainability in Borneo' bertempat di Dewan Inspirasi, Pusat Pelajar UBD (atas, kiri dan bawah kiri).

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**



**TUNGKU LINK**, Khamis, 5 Jun. - Sekretariat Rangkaian Kajian Borneo (BSN) dan Sekretariat iCUBE di bawah Pejabat Global Engagement Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menganjurkan Bengkel Penyelidik Muda bertajuk '2030 and beyond : Energy Transition and Sustainability in Borneo' bertempat di Dewan Inspirasi, Pusat Pelajar UBD.

Acara ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman para peserta mengenai pembangunan mampan dan dasar peralihan tenaga melalui pembelajaran interaktif serta aplikasi dunia sebenar.

Bengkel dua hari ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor (Global Engagement), Dr. Joyce Teo Siew Yean.

Bengkel ini melibatkan para peserta secara aktif dalam pengalaman menyeluruh yang mengetengahkan peluang dan cabaran dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Latihan ini bertujuan menggambarkan keseimbangan antara alam sekitar dan ekonomi, dengan menekankan kaitan antara kelestarian ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Melalui aktiviti kolaboratif, para pelajar akan meneroka strategi untuk membina masa depan yang mereka impikan sambil mengekalkan keseimbangan antara tiga tonggak kelestarian (alam sekitar, sosial, ekonomi).

Timbalan Pengarah (BSN dan iCUBE), Dr. Dayang Rosnah binti Abdullah dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan kemahiran dasar dalam memajukan inisiatif pembangunan mampan dan peralihan tenaga.

Seterusnya, para peserta telah mendalami topik peralihan tenaga di Borneo yang disampaikan oleh Penolong Profesor dan Timbalan Pengarah, Pusat Sains Bahan dan Tenaga Maju (CAMES), UBD, Dr. Lim Ren Chong.

Perbincangan yang dipimpin oleh pakar mengenai pemacu utama dalam membentuk sektor tenaga telah dikendalikan oleh Penolong Profesor, Penolong Pengarah / Ketua Program Ijazah di Chiang Mai University's School of Public Policy (CCMU-SPP), Dr. Thida Chaiyapa.

Para penyelidik muda dari BSN, iCUBE dan pelajar UBD telah mengambil bahagian dalam bengkel ini dan melalui aktiviti berkumpulan kecil, para peserta mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi peralihan tenaga serta secara kolaboratif membangunkan senario masa depan bagi landskap tenaga di Borneo.

Dengan menggunakan teknik ramalan masa hadapan, mereka akan menganalisis faktor ekonomi, teknologi dan dasar yang membentuk laluan tenaga mampan.

Acara ini turut menampilkan lawatan sambil belajar ke Stesen Janakuasa Berakas, Syarikat Berakas Power Management Company Sdn. Bhd. (BPMC) di mana mereka akan terlibat dalam perbincangan mengenai kemajuan teknologi, kerangka dasar, dan peranan tenaga boleh diperbaharui dalam mencapai SDG 7 (Tenaga Mampu Milik dan Bersih) dan SDG 13 (Tindakan terhadap Perubahan Iklim).

Lawatan ini akan memberikan pendedahan tentang peluang dalam peralihan tenaga. Lawatan sambil belajar ini dijangka memberikan manfaat besar kepada para penyelidik muda.

Untuk maklumat lanjut mengenai Rangkaian Kajian Borneo (BSN) dan iCUBE, sila layari *http://borneostudies.org/* atau e-mel ke *bsn@ubd.edu.bn* dan *icubesecretariat@ubd.edu.bn*.



# Mazhab Syafi'i Dalam Era Digital : Relevan dan Cabaran

**Oleh : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**



**YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa membentangkan Kertas Perdana menerusi rakaman video pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i Bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Negara Brunei Darussalam.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللّٰهِ ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَالَاهُ. أَمَّا بَعْدُ.

**MENGADAP** Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Ampun beribu ampun, Hamba Duli Tuanku menjunjung kurnia perkenan untuk Hamba Duli Tuanku menyampaikan ucaptama sebagaimana yang diminta oleh Jawatankuasa Pandu. Hamba Duli Tuanku juga menjunjung perkenan untuk menyampaikan ucapan ini dalam bahasa biasa bagi kemudahan jua.

Para hadirin yang dihormati,

Majlis kita pada pagi ini di bawah nama Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i Bersempena 60 Tahun Institusi Fatwa Di Negara Brunei Darussalam.

Sejarah wujudnya mazhab adalah bermula dari adanya perbezaan pendapat setelah wafatnya Nabi kita Sayyidina Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Perbezaan itu semakin meluas di kalangan para sahabat, dan dalam era *tabi'en*, perbezaan pendapat bersifat lebih sistem atik melalui ijtihad dan akhirnya lahirlah mazhab-mazhab utama : Mazhab Imam Abu Hanifah, Mazhab Imam Malik, Mazhab Imam Syafi'i dan Mazhab Imam Ahmad bin Hanbal *Ridwanullahi 'alaihim*, bahawa mereka ini berijtihad berdasarkan al-Qur'an, al-Sunnah, Ijma' dan Qias.

Mereka muncul bukan untuk memecah belahkan umat, tetapi untuk membantu kita bagaimana memahami dalil-dalil syara'. Maka oleh itu, wujudnya mazhab adalah sangat mustahak sebagai rujukan yang sahih.

Di zaman kita ini berlaku pendirian yang sihat menghormati mazhab-mazhab. Ditambah lagi dengan raja-raja menjadi ketua-ketua ugama turut menambahkan lagi indahnya kehidupan berugama. Raja-raja melantik mufti-mufti selaku penunjuk jalan: Mana jalan yang lurus menuju ke Syurga dan mana pula jalan yang bengkok menuju Neraka. Maksud jalan yang lurus di sini ialah Hukum Syara' (Undang-undang Allah *Ta'ala*).

Dua-dua institusi (raja dan 'ulama) sama-sama berkongsi peranan untuk menentukan jalan yang lurus, sehingga tidak diragukan lagi, dua-dua institusi ini telahpun menyempurnakan tanggungjawab masing-masing dengan sesempurnanya.

Alhamdulillah, saya bertawakal mewakili para Mufti yang ada hadir di sini, bahawa kami amat bersyukur telah ditakdirkan dapat berkhidmat di bawah raja-raja yang budiman yang baik-baik, sementara kami juga Insya Allah akan terus berusaha untuk menjadi para 'ulama yang baik, bagi memenuhi kehendak hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang berbunyi:

اثْنَانِ: إِذَا صَلَحَا صَلَحَتِ الْأُمَّةُ ، وَإِذَا فَسَدَا فَسَدَتِ الْأُمَّةُ: الْعُلَمَاءُ وَالْأُمَرَاءُ

(١). (حديث مرفوع رواية أبو نعيم)

**Ertinya**: "*Ada dua, jika dua-dua ini baik dan bagus, nescaya baik dan baguslah umat, sebaliknya jika dua-dua tidak bagus (rosak), nescaya rosaklah umat." (Siapakah mereka?), laitulah 'Ulama' (para ahli ilmu) dan 'Umara (para raja-raja atau penguasa)*".

كتاب حلية الأولياء وطبقات الأصفياء ¹

Demikian, kalau umat mahu bagus, mahu selamat, mahu tidak binasa, tidak rosak, maka 'Umara (para raja) dan 'Ulama' mestilah sama-sama bagus, sama-sama lurus: Bagus dan lurus dalam semua tindak tanduk masing-masing. Inilah perkara yang mesti ada jika kita mahu Allah menyelamatkan kita, maka raja dan 'ulama janganlah bersengketa tetapi wajib sama-sama patuh dan tunduk kepada kebenaran. Kadang-kadang 'ulama membuat teguran, sedang raja pula berlaku adil menilai teguran. Jika teguran itu benar, maka wajiblah ia diterima dengan hati yang putih jernih.

Nah, ketika inilah, dua-dua pihak, raja dan 'ulama akan sama-sama dikasihi dan dirahmati oleh Allah, kerana sikap mereka yang ikhlas sama-sama mengagungkan kebenaran.

Perkara ini, ada contohnya dalam sejarah, iaitu pada suatu hari, Sayyidina 'Umar, raja orang-orang beriman telah didatangi oleh seorang perempuan yang sedang mengandung. Perempuan ini mengaku berzina, dan anak di dalam kandungannya adalah anak zina. Sayyidina 'Umar (selaku raja) telah mengambil keputusan untuk menghukum perempuan ini dengan seratus (100) rotan. Apabila 'Umar (selaku raja) bangun untuk melaksanakan hukuman, maka Sayyidina 'Ali (selaku 'ulama), dengan cepat menyergah – berkata :

" وَيْحَكَ يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ ، وَيْحَكَ! "

**Ertinya:** "*Celaka, wahai raja orang-orang beriman, celaka!*"

Bertanya 'Umar : Apa yang celaka, wahai 'Ali?" Berkata Sayyidina 'Ali :

"كَيْفَ تَجْلِدُهَا وَهِيَ حَامِلٌ؟ إِنْ كَانَ لَكَ وِلَايَةٌ عَلَى جِلْدِ ظَهْرِهَا ، فَلَيْسَ لَكَ وِلَايَةٌ عَلَى جِلْدِ مَا فِي بَطْنِهَا. إِنَّ مَا فِي بَطْنِهَا بَرِيءٌ ، لَيْسَ لَكَ وِلَايَةٌ عَلَيْهِ. دَعْهَا حَتَّى تَضَعَ حَمْلَهَا ثُمَّ أَقِمْ عَلَيْهَا الْجَلْدَ."

**Ertinya:** "*Bagaimana mungkin untuk tuan merotannya wahai Amirul Mukminin, sedang perempuan ini mengandung? Kalau tuan ada kuasa untuk merotan belakangnya tetapi tuan tidak ada kuasa untuk merotan apa yang ada di dalam perutnya. Sesungguhnya apa yang ada di dalam perutnya itu adalah bersih belaka, tiada sebarang dosa. Oleh itu, lepaskanlah dia (perempuan ini) sehingga dia melahirkan. Kemudian selepas itu barulah tuan menghukumnya.*"

Para hadirin, mari sama-sama kita melihat, apa reaksi 'Umar (selaku raja) apabila menerima teguran daripada 'Ali (selaku 'ulama)? Adakah 'Umar mengambil tindakan ke atas 'Ali? Jika 'Umar mengambil tindakan, tindakan apa? Adakah 'Umar (raja) menghukum 'Ali ('ulama)? Atau adakah 'Umar memecat 'Ali? Atau memenjarakan 'Ali? Atau setidak-tidaknya marah kepada 'Ali dengan kemarahan yang berapi-rapi?

Mari saudara hadirin, kita camkan baik-baik reaksi 'Umar. Reaksi 'Umar: Beliau bukan marah, jauh sekali menghukum 'Ali, bukan! Tetapi sebaliknya menghargai 'Ali dengan berkata:

"لَوْ لَا عَلِيٌّ لَهَلَكَ عُمَرُ! لَوْ لَا عَلِيٌّ لَهَلَكَ عُمَرُ!"

**Ertinya:** "*Kalaulah, bukan kerana 'Ali menegur 'Umar, nescaya binasalah 'Umar! Andainya bukan kerana 'Ali mengingatkan 'Umar, nescaya binasa 'Umar!*"

Ah ini, contoh pendirian dua insan ternama yang telah dijanjikan Syurga oleh Allah kepada mereka. Mereka sama-sama sejalan dalam mendaulatkan hukum Allah. 'Ali selaku 'ulama berani menegur 'Umar (raja), dan 'Umar pula selaku raja bersedia menerima teguran 'Ali, bukan menghukum 'Ali.

Dan satu lagi contoh, juga dalam masa pemerintahan *Amirul Mukminin* 'Umar *Radhiallahu 'anhu*. Beliau telah didatangi oleh seorang perempuan mengadu: "Wahai *Amirul Mukminin*, saya telah diperkosa oleh seseorang, dan buktinya ini, air lelaki yang memperkosa saya itu masih sahaja melekat di baju saya".

Sayyidina 'Umar mendapati memang betul, ada air melekat di baju perempuan. Namun sebelum mengambil keputusan, raja orang-orang beriman 'Umar, menoleh kepada 'Ali bin Abi Thalib meminta pandangan :

مَاذَا تَرَى يَا عَلِيُّ؟

**Ertinya:** "*Apa pandanganmu, wahai 'Ali?*"

Mengapa 'Umar *Amirul Mukminin* meminta pandangan 'Ali? Kerana 'Ali adalah ulama, sebagaimana Nabi bersabda :

"أَنَا مَدِينَةُ الْعِلْمِ وَعَلِيٌّ بَابُهَا" ٢

**Ertinya**: "*Aku adalah kota ilmu, sedang 'Ali pintunya – pintu ilmu itu*". Nampak kita di sini, 'Umar (raja) bertanya kepada 'Ali (ulama).

[2] Hadits marfu` riwayat al-Hakim dan ath-Thabarani.

Apa kata 'Ali, ahli ilmu ini? 'Ali berkata: "Wahai Amirul Mukminin, jangan jalankan dahulu hukuman, sehingga kita mendapati bukti. Mana tahu lelaki yang dituduh mangsa fitnah?"

Bukti apa lagi, wahai 'Ali? Bukankah semuanya sudah jelas? Mangsa sendiri pun ada hadir di hadapan kita membuat pengakuan (ikrar), dan disokong pula oleh bahan bukti, iaitu air lelaki yang melakat di bajunya?

Menghujjah 'Ali: "Tidak wahai Amirul Mukminin. Kita belum mengujinya. Kita mesti menguji terlebih dahulu air yang melekat itu".

Ujian apa lagi wahai 'Ali?

Ya kalau dalam abad ke-21 ini, ujian itu boleh saja melalui DNA. Tetapi pada zaman itu, belum berbangkit DNA. Begitu juga belum didengar istilah makmal. Jadi dengan apakah air lelaki itu diuji?

Berkata 'Ali ahli ilmu ini: "Kita akan masak air sampai mendidih, kemudian kita tuangkan air mendidih itu ke atas air yang melekat di baju. Kalau betul air yang melekat itu air mani lelaki, nescaya ia akan hilang begitu saja. Tetapi kalau air itu bukan air mani, katakan ia mungkin "putih telur", maka ia pasti masak dan membeku. Nah, sekarang mari kita uji ia," ujar 'Ali.

Apabila dilakukan ujian, air yang melekat itu didapati beku. Beku! Menunjukkan ia bukan air mani, tetapi "putih telur" yang sengaja diletak oleh perempuan jahat untuk memfitnah seorang lelaki yang tidak berdosa.

Nampak kita saudara! Betapa hebatnya ilmu Sayyidina 'Ali *Karramallahu wajhah*, sehingga beliau dapat dianggap, bukan sahaja setakat seorang ahli perundangan yang luar biasa, bahkan juga seorang saintis yang bertaraf pelopor.

Ya, betapa luhurnya ilmu itu, betapa besar kuasanya, sehingga mampu untuk menghuraikan apa sahaja masalah yang kusut-kusut atau rumit-rumit.

Kerana itulah, Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* sampai bersabda mengenai orang 'Alim:

"مَنْ زَارَ عَالِمًا فَكَأَنَّمَا زَارَنِي"³

hingga akhir hadits. **Maksudnya**: "*Barang siapa menziarahi orang 'Alim, seolah-olah dia menziarahiku. Barang siapa menjabat tangan orang 'Alim, seolah-olah dia menjabat tanganku. Barang siapa yang duduk dengan orang 'Alim, seolah-olah dia duduk denganku (di dunia ini), dan barang siapa yang duduk denganku di dunia, aku akan dudukkan dia berhampiran denganku di dalam Syurga*".

[3] Tanbiih al-Ghaafiliin Li Imam as-Samarqandi.

Dalam pada itu, orang 'Alim jangan pula lupa, bahawa di sana terdapat amaran keras daripada Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* kepada orang 'Alim, Baginda bersabda:

"إِنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَالِمٌ لَمْ يَنْفَعْهُ عِلْمُهُ."⁴

**Maksudnya:** "*Sesungguhnya manusia yang paling dahsyat akan diazab pada Hari Kiamat ialah orang 'Alim yang ilmunya tidak memberi manfaat kepadanya*".

[4] Daripada Abu Hurairah Radhiallahu `anhu.

Bagaimana ilmu yang tidak memberi manfaat itu? Antaranya ialah ilmu yang tidak diamalkan, atau ilmu yang tidak dikongsikan untuk keperluan umat, atau ilmu yang sengaja dibisukan kerana takut kepada manusia lebih dari takut kepada Allah, atau ilmu yang digunakan untuk memanipulasi ketua iaitu raja atau *ulul amri* bagi kepentingan peribadi dan lain-lain lagi kecurangan yang tidak diredhai oleh Allah.

Kita bertanya: Apa benarkah ada ulama yang seperti ini?

Jawabnya: Ya, memang ada. Mereka itu dipanggil dengan panggilan "علماء سوء" ertinya: "Ulama jahat".

Namun para hadirin yang dihormati, kita amat optimis lagi yakin, bahawa 'ulama serantau Insya Allah adalah 'ulama yang baik-baik belaka, bukan 'ulama سوء atau 'ulama jahat, dan begitu juga raja-raja atau penguasa kita adalah mereka yang rata-rata budiman lagi soleh, menjadi pemimpin dan ketua ugama yang adil yang sangat mesra dan menghormati para 'ulama, yang lantaran itu takhta-takhta mereka pun sehingga kini masih tegak dikekalkan oleh Allah hampir mencecah seribu tahun. Allahu akhbar. Allahu akhbar. Allahu Akhbar.

Ampun beribu ampun, sekian sahaja. Sekiranya terdapat sebarang kekhilafan atau sorok langkah yang tidak disenghajakan maka Hamba Duli Tuanku menjunjung ampun dan kemaafan jua.

Hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha.

وبالله التوفيق والهداية ،

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته.

**DI zaman kita ini berlaku pendirian yang sihat menghormati mazhab-mazhab. Ditambah lagi dengan raja-raja menjadi ketua-ketua ugama turut menambahkan lagi indahnya kehidupan berugama. Raja-raja melantik mufti-mufti selaku penunjuk jalan: Mana jalan yang lurus menuju ke Syurga dan mana pula jalan yang bengkok menuju Neraka. Maksud jalan yang lurus di sini ialah Hukum Syara' (Undang-undang Allah *Ta'ala*).**



# Aidiladha lambang kesyukuran dalam mencari keredaan Allah

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Jabatan Penerangan,
Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

**AIDILADHA** adalah hari yang dibesarkan dengan ibadah korban. Pada hari ini, umat Islam yang berkemampuan pasti tidak akan melepaskan peluang ini untuk melakukan ibadah korban iaitu menyembelih binatang korban sebagai tanda takwa dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala rezeki yang dikurniakan-Nya. Ibadah korban merupakan amalan yang dihukumkan sebagai Sunat Muakkadah iaitu sunat yang dituntut dan amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda Rasulullah juga sentiasa menggalakkan para sahabat Baginda melakukan ibadah korban kerana ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat.

Aidiladha yang kita raikan pada saat ini juga mengingatkan kita akan kisah perjuangan dan pengorbanan agung Nabi Ibrahim Alaihissalam yang sabar menghadapi ujian semata-mata untuk mencari keredaan Allah serta memartabatkan agamanya. Ibadah korban yang dilakukan oleh umat Islam pada setiap tahun dalam bulan Zulhijah ini tidak wajar dilihat sebagai suatu ibadah atau tradisi sesuatu kelompok masyarakat kerana ibadah korban itu sebenarnya mempunyai beberapa tujuan atau hikmah yang perlu dihayati bersama.

Antaranya ialah mengingati peristiwa pengorbanan teragung Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam yang mana pengorbanan yang benar-benar menguji kesabaran dan kesungguhan mereka berdua dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Tidak dapat dibayangkan betapa berat dan susahnya untuk melaksanakan perkara yang diperintahkan oleh Allah kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam iaitu menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail Alaihissalam. Namun atas dasar mentaati perintah Allah, kedua-dua mereka tetap patuh melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah itu tanpa mempedulikan risiko akibat melaksanakan perintah tersebut iaitu kematian Nabi Ismail Alaihissalam. Inilah namanya pengorbanan yang hebat semata-mata untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Jika kita hayati sejarah pensyariatan ibadah korban ini, setentunya ia akan menyuntik semangat dan usaha kita dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih binatang korban di Hari Aidiladha atau hari-hari tasyrik sekalipun perintah tersebut dihukumkan Sunat Muakkadah kerana kita yakin perkara yang diperintahkan Allah itu sama ada ia wajib atau sunat pasti ada hikmah dan kelebihannya. Kelebihan besar melakukan ibadah korban itu ialah amalan menyembelih binatang korban adalah amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "*Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah dari menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada hari kiamat bersama tanduk, bulu dan kukunya dan darah (binatang sembelihan) itu akan jatuh di suatu tempat (yang mulia) di sisi Allah sebelum ia jatuh ke bumi. Oleh itu perelokkanlah korban kamu*". (Riwayat At-Tirmizi).

Mengerjakan ibadah haji merupakan kesempatan untuk bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadah haji itu jika dikerjakan dengan sempurna dan tidak tercemar dengan perbuatan-perbuatan keji maka Allah Subhanahu Wata'ala akan mengampunkan dosa-dosa seseorang sehingga ia suci bersih seperti baru lahir ke dunia ini. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Barang siapa yang melakukan ibadah haji di Baitullah dengan tidak mengucapkan perkataan keji, tidak berbuat fasik, dia akan kembali ke negeri dengan fitrah jiwanya yang suci ibarat anak damit yang baru lahir daripada perut ibunya*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari).

Aidiladha adalah lambang kesyukuran untuk mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan pelbagai bentuk pengorbanan. Dengan mengetahui kelebihan dan keistimewaan melakukan ibadah korban ini, marilah kita sama-sama melakukannya dengan rasa keimanan dan ketakwaan semata-mata mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai tanda kita bersyukur ke atas rezeki yang dikurniakan-Nya. Selagi kita belum bersedia untuk mengorbankan sebahagian dari apa yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita, kita sebenarnya masih jauh dari jalan-jalan keimanan dan ketakwaan. Jika sedemikian harta pun belum mampu kita korbankan, bagaimana mungkin kita mampu untuk melakukan pengorbanan yang lebih besar di jalan Allah Subhanahu Wata'ala.

Tafsirnya : "*Daging dan darah binatang korban itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya*". (Surah Al-Hajj, ayat 37).

Dalam kita meraikan Aidiladha ini, marilah kita sama-sama memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar segala amal ibadah yang kita lakukan akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang sentiasa mensyukuri nikmat-Nya. *Amin Ya Rabbal Alamin.*







# Lawatan memfokuskan perkembangan, perhubungan EU bersama media NBD

Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

DENGAN memfokuskan kepada hubungan Kesatuan Eropah atau European Union (EU) bersama dengan Negara Brunei Darussalam (NBD), lawatan yang dirangka di bawah EU - Brunei Darussalam Partnership Facility telah diadakan dan mengambil masa selama lima hari iaitu bermula pada 12 Mei sehingga 16 Mei 2025 di Brussels, Belgium.

Seramai lima orang perwakilan daripada agensi kerajaan dan juga swasta telah dipilih untuk mengikuti lawatan sambil belajar ini. Selain memfokuskan kepada hubungan EU dengan NBD, program yang dikenali sebagai Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels ini juga memfokuskan kepada beberapa aspek yang ingin diperkenalkan iaitu pembangunan mampan, transformasi digital, perubahan iklim dan menentang maklumat yang tidak tepat (*disinformation*) serta banyak lagi.

Seterusnya, lawatan ini juga dirangka untuk mengadakan pertemuan bersama dengan pegawai-pegawai EU dan seterusnya mengenali lebih jauh akan institusi EU seperti The Council of the EU, The European Commission dan The European Parliament.

### Mengenai EU secara ringkas

EU ialah sebuah kesatuan politik dan ekonomi yang terdiri daripada 27 negara anggota yang terletak terutamanya di Eropah. Ia meliputi keluasan kira-kira 4,233,255 km² (1,634,469 batu persegi) dan mempunyai anggaran populasi sekitar 447 juta orang.

EU telah membangunkan pasaran tunggal dalaman melalui satu sistem undang-undang yang diseragamkan dan terpakai kepada semua negara anggota dalam bidang-bidang di mana mereka telah bersetuju untuk bertindak secara kolektif.

Dasar EU bertujuan untuk memastikan pergerakan bebas warga, barangan, perkhidmatan dan modal dalam pasaran dalaman. Selain itu, EU turut menggubal undang-undang dalam bidang keadilan dan hal ehwal dalam negeri serta mengekalkan dasar bersama mengenai perdagangan, pertanian, perikanan dan pembangunan wilayah.

Sehingga ke hari ini, sebanyak 27 buah negara bergabung di bawah EU di mana United Kingdom telah meninggalkan EU pada tahun 2020. Dengan adanya pengenalan ringkas ini sedikit sebanyak akan dapat memudahkan orang ramai untuk mengetahui mengenai EU.

Dalam hubungan tersebut, para jurnalis diberikan taklimat mengenai The Role of The EU Institutions and EU Decision-making Procedures yang disampaikan oleh Senior Expert, Directorate Generate Budget di The European External Action Service (EEAS).

Semasa taklimat ini, para jurnalis berpeluang mendengarkan mengenai beberapa perkara yang menyentuh mengenai aspek-aspek penting dalam EU Institutions dan bagaimana keputusan-keputusan akhir dapat diperoleh melalui pelbagai rundingan, perbincangan dan sebagainya.

Dengan kepelbagaian bahasa, bangsa dan juga negara, EU memainkan peranan penting dalam mengekalkan aspek *solidarity* dan *consensus* khususnya dalam mencapai keharmonian dan kesepakatan. Berpusat di Brussels, EU Institutions terbahagi kepada tiga cabang utama iaitu The European Commission, The European Parliament dan The European Council.

The European Commission ialah badan eksekutif EU yang mencadangkan perundangan dan menguatkuasakan undang-undang EU. The European Parliament merupakan yang dipilih secara langsung oleh rakyat, menggubal undang-undang bersama dengan Majlis EU mengenai undang-undang yang mewakili suara demokrasi EU. Manakala The European Council pula terdiri daripada para ketua negara dan kerajaan, menetapkan hala tuju politik dan keutamaan keseluruhan EU.

Memang banyak yang dipelajari melalui perkongsian mengenai institusi ini di mana sedikit sebanyak memberikan jurnalis akan idea bagaimana ia terbentuk dan juga mempelajari sejarah EU yang sememangnya memerlukan lebih banyak masa untuk dipelajari dan difahami.

### Menangani informasi luar dari EU

Selain memperdengarkan mengenai institusi EU, para jurnalis juga menghadiri taklimat yang membawakan tajuk umum bagaimana untuk menangani informasi dari luar negara termasuklah media informasi dari negara luar. Taklimat ini disampaikan oleh Policy Officer, Information Integrity and Tackling Foreign Information Manipulation and Interference Division, EEAS.

Memang sesuatu yang menarik khususnya dalam menekankan akan kepentingan kesahihan sesuatu berita tersebut iaitu dalam erti kata yang lain, EU menekankan akan kepentingan berita yang relevan, sahih dan dalam masa yang sama juga peka akan isu-isu semasa yang diterbitkan oleh agensi-agensi media dari luar negara.

Apa yang penting dan ditekankan melalui tajuk perbincangan tersebut ialah kepekaan EU dalam menentang informasi yang tidak tepat (*disinformation*).



# PERTANDINGAN QIRAAT ZIKIR, QIRAAT SELAWAT SERLAH BAKAT PELAJAR




**PENOLONG Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Ihsan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan**

**GADONG**, Rabu, 4 Jun. - Kementerian Pendidikan hari ini mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan Qiraat Zikir dan Qiraat Selawat bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Senegara Tahun 2025 di Dewan Auditrorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS).

Pertandingan tersebut dianjurkan oleh Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais.

Pertandingan Qiraat ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Qiraat Selawat (Kategori Lelaki) yang disertai oleh empat pasukan dari peringkat rendah dan empat pasukan dari peringkat menengah serta Qiraat Zikir (Kategori Perempuan) yang turut disertai oleh empat pasukan dari peringkat sekolah rendah dan empat pasukan dari peringkat sekolah menengah.

Bagi peringkat rendah, johan Pertandingan Qiraat Selawat (Kategori Lelaki) ialah Sekolah Al-Falaah Sungai Akar, diikuti dengan Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah di tempat kedua dan Sekolah Rendah Katok B (Kumpulan 2 Ar-Rezq) di tempat ketiga.

Manakala bagi Qiraat Zikir (Kategori Perempuan) peringkat rendah, johan pertandingan ialah Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit, naib johan disandang oleh Sekolah Al-Falaah Sungai Akar dan Sekolah Rendah Dato Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong di tempat ketiga.

Sementara bagi peringkat menengah pula, johan pertandingan Qiraat Selawat (Kategori Lelaki) ialah Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, diikuti dengan Sekolah Arab Belait di tempat kedua dan Sekolah Menengah Sayyidina Othman di tempat ketiga.

Manakala bagi Qiraat Zikir (Kategori Perempuan) peringkat menengah, johan pertandingan ialah SUAMPRIPAHS (Kumpulan 1); naib johan, Maahad Islam Brunei (Kumpulan 1); dan Sekolah Menengah Sayyidina Hussain, tempat ketiga.

Antara tujuan pertandingan diadakan ialah bagi mencungkil dan mengetengahkan bakat pelajar yang sedia ada dalam mempelajari dan menguasai zikir-zikir dan selawat-selawat serta mengaplikasikan irama yang sesuai.

Di samping itu, ia diharap dapat meningkatkan bakat pelajar untuk mempelajari dan menguasai qiraat zikir dan selawat sebagai langkah melahirkan penggerak Negara Zikir masa depan.



**ANTARA peserta yang menyertai pertandingan.**

# Minggu Bahasa hidupkan semangat keilmuan, warisan budaya Melayu



**SESI gambar ramai pada Majlis Penutup Minggu Bahasa, yang diadakan di Dewan Puteri sekolah berkenaan.**



**PENGETUA Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Dayang Hajah Azizah binti Haji Abdul Rahman semasa berucap.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Jun. - Bahasa Melayu bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga simbol identiti dan kekuatan bangsa yang perlu kita pelihara.

Kita mesti terus berusaha agar bahasa ini tidak sekadar mengakar tradisi tetapi juga mampu menggapai globalisasi, bersaing dengan bahasa lain di persada dunia.

Perkara berkenaan dinyatakan oleh Pengetua Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Dayang Hajah Azizah binti Haji Abdul Rahman semasa berucap pada Majlis Penutup Minggu Bahasa, yang diadakan di Dewan Puteri sekolah berkenaan.

Menurut Dayang Hajah Azizah lagi, Program Minggu Bahasa tersebut telah menghidupkan semangat keilmuan dan warisan budaya Melayu dalam kalangan pelajar melalui pelbagai aktiviti yang menarik dan bermakna.

"Kita telah menyaksikan penglibatan dan semangat luar biasa daripada pelajar-pelajar dalam pelbagai aktiviti bahasa, kebudayaan dan kesusasteraan seperti Pertandingan Mencipta Poster Jawi, pantun, sajak, makanan dan nyanyian tradisi Brunei, menghasilkan dialog komik; persembahan pentas, lakonan, nyanyian, tarian dan bermacam-macam lagi sama ada secara langsung mahupun melalui siaran segmen radio sekolah," ujarnya lagi.

Dengan bertemakan 'Bahasa Melayu : Mengakar Tradisi, Menggapai Globalisasi Puteri', Minggu Bahasa STPRI berkenaan antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menguasai bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.

Di samping itu, memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran bertutur, membaca mahupun menulis Jawi dan Rumi.

Selain itu, ia juga untuk menggalakkan penghargaan terhadap keindahan dan keunikan bahasa Melayu melalui aktiviti seni bahasa serta mendorong penggunaan bahasa Melayu yang betul dan berkesan dalam komunikasi harian pelajar.

Pada Majlis Penutup, Dayang Hajah Azizah juga menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada para penerima.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan teater muzikal, deklamasi puisi dan sebagainya daripada pelajar-pelajar dan guru-guru.

Dengan adanya Minggu Bahasa berkenaan akan menggalakkan keseimbangan antara mengekalkan warisan dan tradisi serta menyesuaikan diri dengan kemajuan dunia global.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# APLIKASI TAWAKKALNA MAIN PERANAN PENTING MUDAHKAN URUSAN HAJI

**MINA (Arab Saudi),** 5 Jun. - Aplikasi Arab Saudi, "Tawakkalna" memainkan peranan penting dalam menyokong para jemaah sepanjang musim Haji 1446 Hijrah dengan menawarkan pelbagai rangkaian perkhidmatan digital canggih di setiap peringkat ibadah.

Para jemaah boleh mengakses permit Haji mereka dengan mudah menerusi aplikasi itu, yang disepadukan dengan platform digital bersatu Tasreeh.

Aplikasi terbabit membolehkan pengguna mengakses pelbagai permit yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan, termasuk kad permit jemaah, pas masuk ke Makkah, serta permit untuk pekerja, sukarelawan dan kenderaan.

Dengan kerjasama Kementerian Haji dan Umrah, "Tawakkalna" juga menyediakan akses kepada kad Nusuk melalui platform Nusuk, sekali gus memudahkan lagi proses pengesahan bagi para jemaah.

Tawakkalna direka untuk menyokong pergerakan harian jemaah, meningkatkan pengalaman mereka secara menyeluruh dengan perkhidmatan bersepadu dan kecekapan yang pantas.

Dibangunkan oleh Pihak Berkuasa Data dan Kecerdasan Buatan Arab Saudi (SDAIA), aplikasi itu pada asalnya dilancarkan untuk menyokong usaha kerajaan ketika pandemik COVID-19.

Antara ciri terkini yang ditawarkan termasuk ramalan cuaca masa nyata bagi tapak suci, arah kiblat, waktu solat, akses kepada Al-Quran serta pelbagai alat lain untuk memastikan pengalaman Haji yang lancar dan selamat.

Aplikasi itu boleh dimuat turun melalui App Store, Google Play, AppGallery dan Galaxy Store.

Ia merupakan sebahagian daripada strategi transformasi digital Arab Saudi di bawah Visi 2030 yang mengutamakan teknologi pintar demi meningkatkan perkhidmatan kepada jemaah Haji dan Umrah. - ©BERNAMA

## Indonesia sahkan tujuh kes baharu COVID-19 ketika jangkitan serantau meningkat

**JAKARTA**, 4 Jun. - Kementerian Kesihatan Indonesia mengesahkan tujuh kes baharu COVID-19 yang dikesan antara 25 hingga 31 Mei, ketika beberapa negara jiran berdepan peningkatan semula kes, lapor stesen Metro TV.

Jurucakap kementerian, Widyawati berkata kes berkenaan dikenal pasti menerusi ujian saringan berkala, yang mencatatkan kadar positif mingguan sebanyak 2.05 peratus.

“Tiada kematian dilaporkan membabitkan kes terbaharu ini,” katanya.

Beliau berkata, sebanyak 72 kes disahkan sepanjang tahun ini hasil daripada 2,160 sampel yang diuji.

Kadar positif tertinggi tahun ini direkodkan pada Minggu Epidemiologi Ke-19 dengan 3.62 peratus dan kebanyakan kes tertumpu di Jakarta, Banten dan Jawa Timur.

Menteri Kesihatan, Budi Gunadi Sadikin pada Selasa menasihatkan orang ramai agar tidak panik susulan peningkatan kes, sambil menjelaskan bahawa varian yang menular ketika ini adalah varian tidak membawa maut.

“Varian ini secara relatifnya tidak membawa maut, jadi tiada keperluan untuk bimbang secara berlebihan. Masyarakat tidak perlu panik,” katanya selepas memberi taklimat kepada Presiden Prabowo Subianto di Istana Merdeka berhubung pelbagai isu kesihatan, termasuk situasi semasa COVID-19.

Kementerian turut mengeluarkan surat edaran baru-baru ini, menyeru orang ramai agar terus berwaspada memandangkan peningkatan kes di rantau ini turut dipacu oleh kemunculan varian baharu seperti XEC, JN.1, LF.7 dan NB.1.8.

“Walaupun tahap penularan masih rendah, langkah kesihatan awam seperti pemakaian pelitup muka, kebersihan diri dan penjarakan fizikal masih digalakkan,” menurut kenyataan kementerian.

Setakat ini, varian MB.1.1 kekal sebagai varian dominan di Indonesia.

Indonesia sebelum ini mengalami beberapa gelombang besar COVID-19 antara 2020 hingga 2022, yang memberi tekanan besar terhadap sistem penjagaan kesihatannya dan mencetuskan pelaksanaan sekatan awam secara meluas. - ©BERNAMA

## Trump tandatangani perisytiharan gandakan cukai import keluli, aluminium kepada 50 peratus

**WASHINGTON**, 4 Jun. - Presiden Amerika Syarikat Donald Trump pada Selasa menandatangani perisytiharan bagi menggandakan kadar tarif ke atas import keluli dan aluminium kepada 50 peratus minggu ini, dengan alasan langkah itu lebih berkesan untuk mengekang tindakan negara asing yang didakwa membanjiri pasaran AS dengan logam berlebihan pada harga rendah, lapor Agensi Berita Yonhap.

Kadar tarif baharu itu dijadual berkuat kuasa pada 12.01 pagi Rabu, meskipun terdapat kebimbangan berterusan bahawa langkah berkenaan boleh membawa kepada kenaikan harga barangan dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan.

Trump sebelum ini giat menggunakan tarif sebagai alat untuk mengurangkan defisit dagangan Amerika dan memperkukuh industri pembuatan tempatan.

“Meskipun tarif keluli dan aluminium yang dikenakan sebelum ini telah membantu memberi sokongan harga yang kritikal di pasaran domestik, ia masih belum mampu membolehkan industri berkenaan mencapai kadar penggunaan kapasiti pengeluaran yang diperlukan untuk kelangsungan industri dan keperluan pertahanan negara yang diunjurkan,” menurut perisytiharan itu.

“Saya telah memutuskan bahawa peningkatan tarif sedia ada akan memberikan sokongan lebih besar kepada industri ini serta mengurangkan atau menghapuskan ancaman keselamatan negara yang berpunca daripada import produk keluli dan aluminium serta produk terbitannya,” katanya.

Merujuk kepada perjanjian perdagangan dengan Britain pada 8 Mei lalu yang dikenali sebagai Perjanjian Kemakmuran Ekonomi (EPD), Trump menyatakan bahawa adalah "perlu dan sesuai" untuk memberikan layanan berbeza kepada London.

Kadar tarif ke atas Britain akan kekal pada 25 peratus, namun Setiausaha Perdagangan, Howard Lutnick diberi kuasa untuk melaras kadar dan menetapkan kuota import bagi keluli dan aluminium selaras dengan terma EPD.

“Setiausaha juga boleh menaikkan kadar duti kepada 50 peratus sekiranya didapati United Kingdom tidak mematuhi aspek-aspek berkaitan dalam EPD,” menurut perisytiharan itu. - ©BERNAMA

## Dron memperkasa sistem kecemasan perubatan China

**BEIJING**, 4 Jun. - China kini sedang menyepadukan teknologi dron dengan pantas ke dalam sistem kecemasan perubatannya, dengan penemuan di beberapa bandar menunjukkan kecekapan yang dipertingkatkan dalam logistik penjagaan kritikal.

Perbandaran Tianjin di utara China melancarkan laluan dron perubatan pertamanya pada akhir Mei, mencatatkan penerbangan ujian bekalan darah kecemasan simulasi yang berjaya. Penerbangan itu menghubungkan stesen darah di kawasan Binhai New Area dan cawangan Tianjin Medical University Cancer Hospital's Binhai.

“Laluan dron mewujudkan talian hayat darah kecemasan untuk pesakit dalam keadaan kritikal,” kata Shen Jun, Naib Presiden hospital itu.

Dron yang membawa muatan seberat 5 kilogram, dron itu dilengkapi dengan kotak perubatan suhu terkawal yang membolehkan pemantauan suhu, lokasi dan status penerbangan dalam masa nyata. Penghantaran ‘point-to-point’ yang cekap mengelakkan kelewatan yang disebabkan oleh lalu lintas jalan raya, menjimatkan masa berharga untuk rawatan kecemasan.

Di tengah-tengah pertumbuhan pesat ekonomi altitud rendah China, perkhidmatan perubatan altitud rendah, sebagai sektor khusus, mengembangkan aplikasi mereka, memacu transformasi yang belum pernah terjadi sebelumnya dalam penjagaan kesihatan.

Pada November 2024, Pentadbiran Keselamatan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan menambah ‘pengangkutan perubatan udara’ pada katalog harga perkhidmatan perubatan kebangsaan, mewajibkan penetapan harga piawai di kawasan wilayah negara menjelang akhir Mei tahun ini. Penyedia insurans kesihatan komersial juga digalakkan untuk meneroka perlindungan untuk perkhidmatan ini. Garis panduan itu mempercepatkan penggunaan pesawat altitud rendah dalam aplikasi perubatan.

Disokong oleh teknologi dan dasar, wilayah China seperti Zhejiang, Guangdong dan Fujian sedang giat meneroka aplikasi dron dalam sistem perubatan mereka, mengangkut sampel ujian, darah, bekalan kecemasan dan ubat-ubatan, yang penting untuk menjimatkan masa rawatan kritikal.

Di bandar Zigong, Wilayah Sichuan di barat daya China, dron telah menjadi sebahagian rutin perkhidmatan perubatan.

Menurut Suruhanjaya Kesihatan Perbandaran, bandar itu telah membuka 25 laluan altitud rendah yang menghubungkan 28 tapak untuk pengangkutan perubatan. Sehingga 27 Mei, dron telah menyelesaikan 5,270 penerbangan untuk kegunaan perubatan.

Dron adalah model automatik yang dikawal melalui awan yang dibina untuk operasi bandar. Pelayaran pada kelajuan 72 kilometer (km) sejam dengan jarak 18 km, mereka beroperasi 70 peratus hingga 80 peratus lebih pantas daripada pengangkutan darat.

“Biasanya, ia mengambil masa sekurang-kurangnya 30 hingga 40 minit dari cawangan hospital Bancang ke ibu pejabat dengan pengangkutan darat. Khidmat dron menjadikan 11 minit,” kata Huang Yuting, pengurus pengangkutan di Hospital Zigong First People's, merujuk kepada kes di mana dron menghantar ubat untuk kegunaan kecemasan Ogos lalu.

Presiden Hospital Kanser Tianjin Medical University, Hao Jihui, berkata sistem pengangkutan altitud rendah memecahkan halangan geografi, meningkatkan tindak balas kecemasan, dan meningkatkan kecekapan sumber perubatan dengan ketara dengan mengurangkan kos dan masa pengangkutan.

“Kami akan mengembangkan aplikasi dron untuk meningkatkan peruntukan sumber perubatan merentas wilayah dan memenuhi permintaan perkhidmatan kesihatan pelbagai peringkat,” tambah Hao. - ©XINHUA

## Khemah moden dua tingkat di Mina sambut kedatangan jemaah

**MINA,** 4 Jun. - Syarikat Pembangunan Kidana, pemaju utama di kawasan Tanah Suci melancarkan projek khemah dua tingkat di Mina, lapor Agensi Berita Saudi (SPA).

Inisiatif itu menandakan satu transformasi besar dalam penyediaan tempat penginapan jemaah haji di Mina, dengan menawarkan kemudahan moden yang menjamin keselesaan serta suasana persekitaran kondusif melalui penyelesaian kekal dan kecekapan operasi berkualiti tinggi.

Kidana mengesahkan bahawa projek khemah dua tingkat itu dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta, yang menyumbang 75 peratus daripada keseluruhan projek.

Projek itu meliputi kawasan penginapan melebihi 20,000 meter persegi, merangkumi lebih 40 bangunan dan dilengkapi dengan 550 bilik air.

Pembinaannya mengambil masa kira-kira 100 hari untuk disiapkan.

Ia dijangka dapat memuatkan kira-kira 8,000 jemaah dari dalam dan luar Arab Saudi.

Usaha itu bertujuan memperkayakan pengalaman jemaah, meningkatkan kapasiti serta mutu perkhidmatan penginapan di Mina, di samping memastikan persekitaran kediaman yang selesa dan selamat menerusi rekaan kejuruteraan moden yang menggabungkan kualiti dan kelestarian, tanpa mengabaikan keunikan kawasan terbabit.- ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# AMERIKA SYARIKAT KENAKAN SEKATAN TERHADAP EMPAT HAKIM ICC

**WASHINGTON**, 6 Jun. - Amerika Syarikat (AS) mengenakan sekatan terhadap empat orang hakim di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) kerana didakwa mengambil tindakan terhadap warganegara AS dan Israel tanpa kebenaran, umum Setiausaha Negara Marco Rubio pada Khamis.

Dalam satu kenyataan, Rubio menyebut sekatan terhadap Solomy Balungi Bossa dari Uganda, Luz del Carmen Ibanez Carranza dari Peru, Reine Adelaide Sophie Alapini Gansou dari Benin, dan Beti Hohler dari Slovenia, lapor Anadolu Ajansi.

"Individu-individu ini secara langsung terlibat dalam usaha ICC untuk menyiasat, menangkap, menahan atau mendakwa warganegara AS atau Israel, tanpa persetujuan daripada mana-mana negara," katanya.

Rubio menegaskan bahawa AS dan Israel bukan merupakan pihak kepada Statut Rom yang menubuhkan ICC, dan menyifatkan tindakan mahkamah itu sebagai "tidak sah dan tidak berasas."

Beliau berkata Bossa dan Ibanez Carranza telah memutuskan untuk membenarkan siasatan terhadap anggota tentera AS di Afghanistan, manakala Alapini Gansou dan Hohler meluluskan pengeluaran waran tangkap terhadap Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu dan bekas Menteri Pertahanan Yoav Gallant.

"Penegasan yang berbahaya ini dan penyalahgunaan kuasa menjejaskan kedaulatan dan keselamatan negara AS serta sekutunya, termasuk Israel," dakwa Rubio.

Beliau berkata AS akan mengambil "apa sahaja tindakan yang dianggap perlu" bagi melindungi kedaulatan negara dan sekutunya daripada "tindakan tidak sah" oleh ICC. - ©BERNAMA

# Kesatuan Afrika desak dasar larangan perjalanan AS yang seimbang, berasaskan bukti

**ISTANBUL**, 6 Jun. - Kesatuan Afrika (AU) pada Khamis menggesa Amerika Syarikat (AS) agar mengamalkan dasar larangan perjalanan yang "seimbang, berasaskan bukti dan mencerminkan hubungan dua hala jangka panjang," susulan sekatan perjalanan terbaru Washington terhadap lebih sedozen negara, kebanyakannya dari benua Afrika, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Mengakui hak kedaulatan setiap negara untuk perlindungan dan keselamatan sempadan, Suruhanjaya AU dalam satu kenyataan menyatakan kebimbangan terhadap "kesan negatif yang mungkin timbul" ke atas hubungan rakyat, pertukaran pendidikan, perdagangan, serta hubungan diplomatik yang telah dibina secara berperingkat selama beberapa dekad.

Kenyataan itu turut menekankan kepentingan bersama antara benua Afrika dan AS dalam memupuk keamanan, kemakmuran serta kerjasama global.

AU turut menyeru secara berhemah agar pentadbiran AS mempertimbangkan pendekatan yang lebih bersifat perundingan dan terlibat dalam dialog konstruktif dengan negara yang terjejas, serta mengamalkan komunikasi yang telus dan, jika perlu, usaha kerjasama untuk menangani kebimbangan asas di sebalik keputusan sekatan perjalanan itu.

Pentadbiran Trump pada malam Rabu mengumumkan larangan yang akan menghalang kemasukan ke AS dari 12 negara, serta mengenakan sekatan separa ke atas tujuh negara lain, dengan alasan sistem tapisan dan saringan yang tidak mencukupi sehingga menjejaskan keupayaan AS mengesan ancaman keselamatan sebelum kemasukan.

Rumah Putih dalam kenyataan memaklumkan bahawa Presiden Trump mengambil tindakan itu selepas meneliti laporan daripada Setiausaha Negara Marco Rubio dan beberapa pegawai lain.

Perintah itu secara khusus melarang kemasukan warga dari Afghanistan, Myanmar, Chad, Republik Congo, Guinea Khatulistiwa, Eritrea, Haiti, Iran, Libya, Somalia, Sudan dan Yaman. Tujuh lagi negara -Burundi, Cuba, Laos, Sierra Leone, Togo, Turkmenistan dan Venezuela - akan berdepan sekatan separa serta kemasukan yang terhad.

Larangan dan sekatan ini akan berkuat kuasa pada 12.01 pagi Waktu Timur AS, Isnin ini. - ©BERNAMA

# Nintendo Switch 2 dapat sambutan hangat, risiko penjualan semula cetus kebimbangan

**OSAKA (Jepun),** 6 Jun. - Nintendo melancarkan konsol permainan terbaharunya, Switch 2 pada Khamis, konsol terbaharu mereka selepas lebih lapan tahun, lapor Agensi Berita Kyodo.

Permintaan prapesanan yang sangat tinggi memberi harapan besar kepada Nintendo, namun terdapat kebimbangan mengenai penjualan semula dengan harga yang lebih tinggi.

Nintendo menjangka akan menjual 15 juta unit Switch 2 di seluruh dunia sebelum Mac tahun depan.

Nintendo memaklumkan pada April bahawa mereka menerima sambutan yang lebih besar daripada jangkaan, dengan 2.2 juta orang di Jepun mendaftar untuk cabutan nombor giliran bagi peluang membeli konsol ini.

Switch 2 ini adalah pengganti kepada Switch asal yang dikeluarkan pada 2017. Versi khas Jepun dijual pada harga 49,980 yen (US$350), manakala versi pelbagai bahasa berharga 69,980 yen.

Switch 2 termasuk ciri seperti perkongsian skrin dan resolusi lebih tinggi, serta menyokong output 4K di TV.

Ia juga mempunyai mikrofon terbina untuk sembang suara.

Pada masa yang sama, Nintendo turut melancarkan permainan Mario Kart World bersama konsol ini.

Di Tokyo, ramai yang menang cabutan nombor giliran beratur panjang sejak awal pagi untuk membeli Switch 2 di sebuah kedai elektronik di Ikebukuro.

Sementara itu, beberapa kedai atas talian dan laman lelong mengetatkan syarat untuk menghalang penjualan semula.

Bagaimanapun, tengah hari Khamis, iklan Switch 2 dengan harga jauh lebih mahal muncul di laman Mercari – sehingga mencecah 800,000 yen.

Profesor Ken Naganuma dari Universiti Doshisha berkata, sukar untuk mengawal penjualan semula kerana ia tidak menyalahi undang-undang.

Namun, beliau berpendapat syarikat wajar mengambil langkah untuk melindungi nilai jenama mereka kerana isu ini sudah jadi masalah sosial.

Nintendo berkata pada Mei lalu, syarikat menjangka jualan tahun fiskal 2025 akan naik 63.1 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu kepada 1.9 trilion yen.

Presiden Nintendo, Shuntaro Furukawa, berkata mereka akan tingkatkan pengeluaran untuk memenuhi permintaan tinggi.

Switch merupakan antara konsol paling berjaya Nintendo dengan lebih 150 juta unit terjual.

Namun, jualan dilaporkan semakin merosot sejak beberapa tahun lepas kerana konsol lama itu semakin usang, selepas mencatat jualan 28.8 juta unit pada 2020. - ©BERNAMA

# Kuala Lumpur anjur perlumbaan sulung Kejuaraan Dunia FIM Supercross

**KUALA LUMPUR**, 6 Jun - Buat julung kalinya, Kuala Lumpur akan menganjurkan perlumbaan Kejuaraan Dunia Persekutuan Motosikal Antarabangsa (FIM) Supercross 2025 di Stadium Merdeka, di sini, 18 Okt ini.

Lebih istimewa, FIM dalam satu pengumuman malam tadi memaklumkan, Kuala Lumpur yang menjadi satu-satunya destinasi perlumbaan berlangsung di benua Asia dipilih untuk membuka tirai perlumbaan bagi saingan itu.

Selain Kuala Lumpur, perlumbaan juga dijadual berlangsung di empat lagi lokasi lain di setiap benua iaitu Buenos Aires, Argentina (8 Nov); Vancouver, Kanada (15 Nov); Gold Coast, Australia (29 Nov) dan berakhir di Cape Town, Afrika Selatan (13 Dis).

Ketua Pengarah Eksekutif Data Sukan Sdn Bhd Shamil Yusof berkata pihaknya yang membawa masuk perlumbaan itu ke Malaysia, berharap dapat memberikan pengalaman mendebarkan kepada peminat sukan bermotor dan memartabat Malaysia di persada dunia.

"Sebagai satu-satunya negara Asia yang menjadi tuan rumah acara berprestij ini, kami amat berbangga untuk menunjukkan keupayaan Malaysia dalam menganjurkan kejuaraan bertaraf dunia," katanya dalam kenyataan.

Menerusi kenyataan sama, Pengarah FIM Motocross Commission Antonio Alia Portela pula gembira membawa saingan supercross lebih jauh ke seluruh dunia dan mencipta detik mengujakan di setiap benua.

Orang ramai yang berminat untuk merasai pengalaman menonton kejuaraan berkenaan boleh layari laman *web https://wsxchampionship.com/* untuk akses tiket prajualan dan butiran lanjut. - ©BERNAMA

# Ibadah melontar simbol pembaharuan diri, penolakan sifat mazmumah

**MINA**, 6 Jun. - Ibadah melontar yang dilaksanakan jemaah haji di Mina bukan sekadar memenuhi tuntutan syariat, malah membawa maksud lebih mendalam sebagai simbol pembaharuan diri dan penolakan sifat mazmumah dalam kehidupan seorang Muslim.

Pengarah Operasi Bimbingan Tabung Haji (TH) Shahrin Awaludin berkata aktiviti melontar tiga jamrah, iaitu Jamrah Ula, Wusta, dan Kubra yang dilaksanakan dari 10 hingga 13 Zulhijjah turut meneladani sunnah Nabi Muhammad SAW serta menghidupkan kembali jejak pengorbanan Nabi Ibrahim A.S.

"Aktiviti melontar ini simbolik bagi membuang sifat-sifat mazmumah seperti sombong, ingkar dan segala sifat tercela dalam diri. Ia menjadi satu ikrar rohani supaya jemaah berubah menjadi insan lebih baik selepas menunaikan haji," katanya kepada pemberita di sini.

Jelas Shahrin, ibadah melontar bukan sahaja menuntut kekuatan fizikal, malah amalan rohani yang selari dengan matlamat haji untuk membawa pulang jiwa bersih dan hati yang tunduk kepada Allah SWT.

"Melontar bukan semata-mata lemparan batu, tetapi satu pengisytiharan hati bahawa kita sanggup berubah, meninggalkan kejahatan dan kembali kepada fitrah," katanya.

Dalam pada itu, Shahrin berkata TH turut mengadakan sesi tazkirah "Bicara Mina" bagi membimbing jemaah haji Malaysia memahami maksud di sebalik setiap rukun dan wajib haji, termasuk dalam ibadah melontar.

"TH mengadakan sesi bimbingan dan tazkirah kepada jemaah haji selepas solat subuh dan zohor sepanjang berada di Mina bagi mengingatkan mereka tentang panduan ibadah, termasuk lontaran jamrah, tahalul awal, serta perbezaan antara nafar awal dan nafar thani," katanya.

Jemaah turut digalakkan untuk memanfaatkan masa yang panjang di Mina dengan memperbanyakkan ibadah kendiri seperti solat sunat, membaca al-Quran, berzikir dan melibatkan diri dalam aktiviti kerohanian yang bermanfaat.

Terdahulu, jemaah haji Malaysia mula bergerak dari Arafah ke Muzdalifah sejurus selepas waktu maghrib, sekitar 7 malam dan bermabit di Muzdalifah bermula 11.36 malam sebelum meneruskan perjalanan ke Mina.

Operasi masyair adalah kemuncak keseluruhan operasi haji yang melibatkan pergerakan jemaah haji Malaysia ke Arafah, Muzdalifah dan Mina bagi tempoh lima hari bermula 8 hingga 13 Zulhijjah untuk menyempurnakan ibadah rukun dan wajib haji. - ©BERNAMA




ePaper Pelita Brunei

# KEJOHANAN AKHIR E-SUKAN FC25 LABUH TIRAI






NAIB Canselor UBD semasa hadir dan bergambar ramai pada Kejohanan Akhir E-Sukan FC25 (kiri dan atas).

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Jun. - Kejohanan Akhir E-Sukan FC25 yang diadakan sempena Piala Canselor 2025, berakhir hari ini yang berlangsung di Pusat Seni Pro-Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Kejohanan berkenaan menghimpunkan pasukan daripada seluruh universiti di Negara Brunei Darussalam dalam pertandingan kebangsaan yang menjadi sukan kemuncak dalam kalendar pelajar.

Selepas beberapa siri pusingan awal dan perlawanan separuh akhir yang berlangsung pada sebelah pagi, menetapkan pentas untuk pusingan akhir yang sengit dalam dua kategori, iaitu Kategori Perseorangan Lelaki dan Kategori Beregu Lelaki.

Kejohanan akhir telah menarik kehadiran orang ramai, dengan perlawanan yang bersemangat dan mempamerkan kemahiran, strategi dan kerja berpasukan yang luar biasa daripada pemain yang mengambil bahagian.

Acara berkenaan turut dihadiri Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle yang juga menyampaikan hadiah kepada Awang Abdul Qayyum Hakimuddin bin Haji Shaharol Annuar dari UBD bagi Kategori Perseorangan Lelaki; manakala Awang Ahmad Darwisyh Al-Imaan bin Haji Azmi dan Awang Muhammad Hadi Haikal bin Haji Mohammad Shafiee dari UTB bagi Kategori Beregu Lelaki.

Selesai penyampaian hadiah, para hadirin turut mengambil bahagian dalam sesi bergambar ramai dan jamuan ringan sebagai penghargaan terhadap semangat dan usaha semua peserta.

Sebagai kesinambungan kepada Piala Canselor 2025 yang menyerlahkan kecemerlangan pelajar merentasi pelbagai disiplin, acara utama seterusnya ialah Chancellor's Trophy Athletics yang dijadualkan berlangsung pada 14 dan 15 Jun 2025, yang menjanjikan satu lagi babak menarik dalam pertandingan antara universiti tahun ini.

Untuk maklumat lanjut tentang acara akan datang atau sumber pelajar, lawati laman sesawang rasmi UBD *www.ubd.edu.bn* atau Instagram di *@ubdbuzz @studentaffairsubd.*

# NBD tewas kepada Sri Lanka, 1-0

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Tangkap Layar RTBGo**

**BANGKOK,** Khamis, 5 Jun. - Pasukan Negara Brunei Darussalam (NBD) bertemu Pasukan Sri Lanka pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan yang berlangsung di Alpine Football Camp, Bangkok, Thailand.

Dalam perlawanan berkenaan, pasukan NBD tewas kepada pasukan Sri Lanka dengan jaringan 0 - 1.

Pada separuh masa pertama, kedua-dua pasukan gagal menjaringkan gol ke gawang lawan masing-masing meskipun diberikan masa tambahan empat minit.

Manakala pada separuh masa kedua, Manimeldura Leon Perera berjaya membolosi gawang pasukan NBD sekali gus menghadiahkan gol tunggal kepada pasukan Sri Lanka pada minit ke-56.

Usaha pasukan negara untuk mendapatkan gol untuk menyamakan kedudukan tidak tercapai walaupun lima minit masa tambahan diberikan. Kedudukan kekal 1 - 0 selepas wisel penamat.

Pasukan NBD akan menentang Bhutan pada 10 Jun 2025 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi pusingan kelayakan Liga Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC).



AKSI perlawanan di antara Pasukan Negara Brunei Darussalam bertemu Pasukan Sri Lanka pada Perlawanan Bola Sepak Persahabatan.

## Tahukah Awda

**KEBENARAN** dan pas pengutipan tajaan mestilah diperoleh terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sebelum meminta, mengutip dan menerima sebarang tajaan. Tajaan tidak boleh dipinta, dikutip atau diterima mahupun diberikan dengan secara tidak jujur sebagai dorongan atau ganjaran untuk melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara yang berkaitan dengan orang atasannya. Tajaan hanya boleh dipinta, dikutip atau diterima jika tiada konflik kepentingan antara pengutip tajaan dengan penaja.

**SUMBER** : *www.moha.gov.bn.*